



PEMBANGUNAN (1957 — 1968)

MELAKA SEKARANG





Utusan daripada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Dalam masa sepuloh tahun yang lalu kita telah menempoh satu zaman yang penoh dengan kemajuan2 dan chabaran di-dalam serba lapangan kegiatan2 ra'ayat negara ini. Kerajaan Perikatan telah melancharkan Ranchangan2 untuk memperbaiki lagi taraf hidup ra'ayat yang duduk di-merata kawasan luar bandar dan bagi memperkuakoh lagi asas2 ekonomi negara ini.

Di-bawah Ranchangan2 Pembangunan yang di-ranchangkan dan di-laksanakan oleh Kerajaan Perikatan itu, beratus2 ribu tanah baru telah di-buka dan di-tanam dengan kelapa sawit dan getah2 baka yang baik. Beribu2 ekar tanah sawah padi telah mendapat bekalan ayer yang sempurna dan telah boleh di-gunakan bagi tanaman padi dua kali sa-tahun. Beratus2 batu jalan2 baru, bilek2 sekolah, rumah2 bidan dan lain2 kemudahan untuk ra'ayat telah juga dilaksanakan di-bawah Ranchangan2 Pembangunan itu. Kejayaan2 yang telah di-chapai oleh negara ini dalam lapangan Pembangunan ada-lah membanggakan kita semua ra'ayat Malaysia. Tambahan pula kejayaan2 itu telah di-perolehi melalui perdampingan yang rapat dan persefahaman yang erat di-antara Kerajaan Perikatan dengan ra'ayat.


Buku Pembangunan Negeri Melaka ini 'mencheritakan' kejayaan2 yang di-chapai oleh Negeri dan ra'ayat Melaka di-dalam lapangan pembangunan. Buku ini juga 'mencheritakan' bukan sahaja hasil2 ranchangan2 yang telah di-jalankan di-Negeri Melaka tetapi juga membuktikan keazaman dan ketekunan pegawai2 Kerajaan di-dalam melaksanakan kewajipan2 mereka. Ia-nya juga menunjukkan sumbanggan2 yang positive yang di-berikan oleh wakil2 ra'ayat dan juga ra'ayat Negeri Melaka sekalian kapada Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri Melaka dan juga Jawatankuasa2 Pembangunan Daerah. Saya menguchapkan sa-tinggi2 tahniah atas kejayaan2 yang di-chapai oleh Negeri Melaka itu.

Saya perchaya kejayaan2 tersebut ada-lah memberi durongan dan galakkhan kepada Kerajaan dan ra'ayat bergerak dengan lebuh chergas lagi menuju ka-arah mat'lamat2 Ranchangan2 pembangunan kita.

Sebagai menjujong amanah ra'ayat negara kita yang muda dan yang sedang menempoh zaman kemajuan, pehak Kerajaan Perikatan ada-lah sentiasa berusaha dengan azam-nva bagi mengadakan kemudahan2 untuk ra'ayat dengan tujuan hendak menambahkan lagi r'sta-pencarian mereka dan juga meninggikan lagi taraf hidup mereka. Tujuan yang besar ini hanya boleh di-chapai dengan ada-nya ra'ayat yang bersatu-padu dan yang berpegang tegoh kpd'a semangat JAYADIRI, ia-itu satu semangat yang berkehendakan ra'ayat sendiri berdiri di-atas kaki mereka sendiri, berusaha dengan sapenoh-nya dan mengambil peluang2 yang ada, dan bertanggong-jawab kapada kewajipan2 mereka sendiri. JAYADIRI ada-lah satu semangat yang terbit dari keinginan dan keazaman sa-saorang ra'ayat negara ini hendak mencapai kemajuan dengan menggunakan pengetahuan2 dan alat2 moden dengan usaha dan tenaga mereka sendiri.

Saya perchaya dengan ada-nya pimpinan yang chergas dan jujor dari pehak Kerajaan dan kerjasama yang erat dari segenap lapisan ra'ayat seperti yang berwujud pada hari ini, kita akan dapat menjadikan JAYADIRI satu daya pendorcng yang kuat bagi kita menghadapi segala chabaran dan mendorong kita semua mencapai kejayaan2 yang lebuh besar di-dalam serba lapangan pembangunan.

SELAMAT MAJU JAYA



(TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN)



Sa-patah kata daripada Ketua Menteri Melaka

Saya menguchapkan satingga2 tahniah kapada Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Negeri Melaka kerana telah berjaya menerbitkan Buku Kemajuan "Negeri Melaka Sekarang" dengan mengambil sempena Ulangtahun Kemerdekaan Malaysia yang ka-sebelas dan juga Hari Pameran Kemajuan Negeri Melaka yang di-adakan pada 30hb. Ogos hingga 1hb. September, 1968.

Tujuan utama Buku ini ia-lah untuk membentangkan kapada seluroh pendudok2 Negeri Melaka khas-nya dan Malaysia am-nya atas segala kemajuan2 yang telah tercapai di-negeri ini di-dalam bidang Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam tempoh 11 tahun (1957—1968). Ada-lah di-harapkan bahawa dengan segala butir2 yang di-bentangkan dalam Buku ini berkenaan dengan kegiatan2 dan kemajuan2 yang telah di-laksanakan di-bawah Jabatan2 Kerajaan itu maka dapat-lah ra'ayat memahami dan seterus-nya menghargai usaha2 yang telah di-selenggarakan oleh Kerajaan bagi memperbaiki serta meninggikan lagi taraf hidup dan ekonomi mereka.

Dalam Ranchangan Lima Tahun Malaysia yang Pertama Kerajaan Negeri ada-lah menyelenggarakan ranchangan2 untuk menambahkan lagi hasil pendapatan ra'ayat di-luar bandar. Oleh kerana sa-bilangan besar ra'ayat di-negeri ini ada-lah bergantong kapada usaha2 pertanian, maka Kerajaan Negeri ada-lah berazam untuk memberi keutamaan dan melipatgandakan lagi ranchangan2 dalam bidang pertanian. Di-samping ranchangan2 yang di-jalankan sekarang, beberapa lagi ranchangan2 yang boleh mendatangkan faedah dan menambahkan hasil tanaman kaum tani akan di-selenggarakan. Kerajaan Negeri sedang mengkaji kemajuan2 pertanian yang di-jalankan di-Taiwan dengan tujuan untuk di-perchubukan di-negeri ini jika didapati sesuai. Sejakar dengan beberapa ranchangan pertanian dan pengayoran yang di-jangka siap pada akhir tahun ini maka lebuh luas lagi kawasan2 benda dan sawah yang dahulunya terbiasa oleh kerana kekurangan ayer akan dapat di-usahakan mulai tahun hadapan.

Ranchangan2 yang di-selenggarakan oleh Kerajaan tidak-lah hanya tertumpu kapada ranchangan2 pertanian sahaja, malahan ada-lah meliputi segala ranchangan2 dalam semua bidang pembangunan, mahu pun di-lapangan pelajaran, kesihatan, perusahaan, iktisad, perusahaan kampong dan lain2 bagi kemajuan kawasan2 serta meninggikan taraf hidup pendudok2 di-luar bandar. Jika ranchangan2 yang telah di-atorkan dalam ranchangan Malaysia yang Pertama itu dapat di-laksanakan dengan sempurna, maka ada-lah di-jangka dalam tempoh antara 5 dengan 10 tahun keadaan kemajuan di-luar bandar akan dapat menyaingi sebagaimana kemajuan dalam bandar2.


Sa-sunggoh-nya kemajuan2 yang telah tercapai di-Negeri ini dalam ranchangan pembangunan ada-lah memuaskan. Namun begitu bukan-lah pula bererti bahawa Kerajaan Negeri sudah berpuas hati dengan kemajuan2 itu. Semua ranchangan2 yang telah di-selenggarakan itu ada-lah merupakan ranchangan2 permulaan sahaja dan banyak lagi ranchangan2 untuk faedah ra'ayat akan di-selenggarakan. Kerajaan Negeri akan terus berusaha dan berikhtiar dengan lebuh giat lagi dalam segala bidang pembangunan-nya untuk mencapai kejayaan2 yang lebuh chemerlang. Matlamat yang di-tujui ini hanya akan dapat di-perolehi sakira-nya ada ke-azaman dan kerjasama dari semua pihak yang bersangkutan. Oleh itu saya suka-lah berseru

kapada semua lapisan ra'ayat di-Negeri ini supaya terus berusaha dengan lebih giat lagi dan menggunakan dengan sepenuhnya kemudahan2 yang telah di-beri oleh Kerajaan. Perkara yang paling penting bagi mereka ia-lah supaya menanamkan semangat ingin maju dan semangat gotong royong.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Banar Negeri Melaka saya suka mengambil peluang untuk mengguchapkan terima kaseh kapada semua ahli2 Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar perengkat Negeri dan Daerah, Jawatankuasa2 Kemajuan Kampung dan semua anggota2 Kerajaan yang telah bertanggong jawab untuk menjayakan ranchangan2 pembangunan Negeri ini semenjak mula dilancharkan pada tahun 1957.

Saya suka juga menguchapkan terima kaseh kapada semua golongan penduduk2 di-Negeri ini atas sokongan dan kerjasama mereka untuk menjayakan ranchangan2 pembangunan itu. Bagi pehak Kerajaan Negeri saya menyampaikan penghargaan yang sa-tinggi2-nya kepada Kerajaan Pusat atas bantuan2 yang telah di-berikan istimewa kapada Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak Alhaj, Timbalan Perdana Menteri dan Merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah memberikan segala pimpinan dan perhatian yang berat kepada ranchangan2 pembangunan Negeri ini.

Akhir-nya saya uchapkan tahniah kapada Lembaga Penggarang atas usaha mereka untuk menjayakan Buku ini.



(Dato Haji Talib bin Karim, D.K.S.J., J.P.)
Ketua Menteri, Melaka

MELAKA SEKARANG





PEMANDANGAN DARI UDARA KOTA MELAKA SEKARANG

1968

AHLI2 JAWATANKUASA PEMBANGUNAN NEG



Duduk Dari Kiri: Enche Cheong Chup Lim, Enche Khoo Eng Choon, Y.B. Enche Hassan bin Mansor, Y.B. Enche Hashim bin Hj. Pit, Enche Ab. Kar Hj. Talib bin Karim (duduk di-tengah), Y.B. Tuan Hj. Wan Salaidin bin Wan Ismail, Y.B. Dato' Tan Cheng Swee, Y.B. Enche Noord Kay, Enche Mohamed Hashim bin Pakkeh.

Berdiri Dari Kiri: Enche Muhamad Yassin bin Mustaphah, Enche Ramly bin Ibrahim, Enche S. Doraisamy, Enche Zainuddin bin Bachik, Enche Bor Mokhtar bin Haji Ibrahim, Enche Mah Khye Tuan, Dr. Harbhajan Singh, Enche Wee Tit Jee, Enche M.V. Koch, Enche Mohd. bin Mohd. Hashim, Enche Talib bin Majid, Enche Quek Kim Tee, Enche Cheah Eng Kean, Enche Phang Ah Kow, Enche Ra

ARA DAN LUAR BANDAR NEGERI MELAKA 1968



im bin Ineh, Enche Yang Rashdi bin Ma'som, Y.A.B. Dato'
in bin Sa'ad, Y.B. Enche Ab. Ghani bin Ali, Y.B. Enche Yeow

han bin Md. Yaman, Enche Omar bin Ahmad, Enche Mohd.
Saufi bin Abdullah, Enche Ab. Hadi bin Hj. Sidek, Enche Illias
shdi bin Hj. Omar.

Kandongan

Muka

Pertanian	18
Perubatan dan Kesihatan	23
Hal Ehwal Tanah	30
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	32-34
Pelajaran	37
Majlis Amanah Ra'ayat	43
Hal Ehwal Ugama Islam	48
Kerja Raya	53
Parit dan Taliayer	60
Pelajaran Dewasa	64
Haiwan	66
Bekalan Letrik	73
Perikanan	76
Perusahaan Getah Menanam Sa-mula	80
Perhutanan	82
Kebajikan Masharifikat	86
Kemajuan Kerjasama	92
Pos	96
Talikom	100
Jabatan Penerangan	104
Pusat Penyelidikan Getah	110
Kebudayaan, Belia dan Sukan	112
Kerajaan Negeri	116
Ukor	122
Majlis Perbandaran	123
Kemajuan Daerah:-	128
(i) Melaka Tengah						
(ii) Alor Gajah						
(iii) Jasin						
Pelancongan	150

MELAKA SEKARANG

PERTANIAN

Untuk membolehkan petani2 di-Negeri ini membanyakkan lagi pengeluaran hasil pertanian supaya pendapatan mereka boleh bertambah maka berbagai2 Ranchangan Pertanian dibawah Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah di-adakan sa-lepas Merdeka. Pegawai2 Pertanian telah menjalankan "Perkhidmatan Lanjutan" terus menerus bagi memberi panduan, nasehat dan tunjok ajar kepada petani2 untuk melaksana dan menjayakan Ranchangan2 ini.

Kemajuan2:-

A. RANCHANGAN2 PEMBANGUNAN MALAYSIA YANG DI-BIAYAI OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. Ranchangan Menanam Sa-Mula/Pemulehan Buah2an

Tujuan Ranchangan ini ia-lah untuk membantu petani2 memulih dan menanam semula dusun2 mereka yang tua dan terbiar dengan memberi bahan2 terpilih baja dan alat2 pagar.

Tahun	Luas Kawasan (ekar)	Perbelanjaan Ranchangan
1961—1965	533	\$ 57,288.19
1966—1967	430	\$ 37,161.25

2. Ranchangan Pertukaran Benih Padi

Di-bawah Ranchangan ini Jabatan Pertanian mengeluarkan benih2 padi yang terpilih dan baik dan pesawah2 boleh mendapat benih ini dengan sechara pertukaran padi.

Tahun	Luas Kawasan (ekar)	Perbelanjaan Ranchangan
1961—1965	13,740	\$ 50,618.70
1966—1967	3,641	\$ 21,413.08

3. Ranchangan Menanam Jagong

Ranchangan ini baharu di-mulakan pada tahun 1966. Tujuan-nya ia-lah untuk menggalakkan petani2 menanam jagong supaya dapat menambahkan lagi pendapatan mereka dan mengurangkan pembelian jagong dari luar negeri. Bantuan yang di-beri ia-lah benih dan baja bernilai \$50.00 sa-ekar. Bagi tahun 1966—1967 Sa-banyak \$10,659.40 telah di-belanjakan.

4. Ranchangan Menanam Kachang Tanah

Tujuan Ranchangan ini ia-lah untuk menggalakkan petani2 menanam kachang tanah di-kawasan2 yang sesuai supaya pendapatan mereka boleh bertambah. Di-bawah Ranchangan ini peserta2 di-beri bantuan benih dan baja berharga sa-banyak \$50/- sa-ekar. Sa-banyak \$2,168.44 telah di-belanjakan dalam tahun 1967.



- ▲ Orang2 perempuan kampong di-Melaka sedang menanam padi.
- Sa-orang penanam padi membajak sawah-nya sa-chara lama.
- Sa-orang penanam padi menggunakan jentera moden untuk membajak.





- ▲ Mengubah dan menchachak semayan.
- Jentera Moden di-guna untuk membajak.
- Menuai padi.



B. RANCHANGAN2 YANG DI-BIAYAI OLEH KERAJAAN NEGERI DAN KEMUDIAN DI-BAYAR BALEK DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. Ranchangan Bantuan Baja Padi

Di-bawah ranchangan ini Kerajaan memberi bantuan 30% di atas harga baja. Tujuan Ranchangan ini ia-lah untuk menggalakkan pesawah2 menggunakan baja dagangan untuk meman bahan lagi hasil padi. Kemajuan2:-

Tahun	Banyak-nya baja (ton)	Luas Kawasan (ekar)	Perbelanjaan Ranchangan
1961—1965	1,253	11,513	\$ 85,262.63
1966—1967	448	6,913	\$ 42,123.52

2. Ranchangan Menanam Padi Dua Kali Sa-Tahun

Di-dalam Ranchangan ini Kerajaan menggalakkan pesawah2 menanam padi dua kali sa-tahun di-tempat2 yang boleh mendapat ayer yang chukup. Pada tahun 1961—1965 banyak bantuan di-beri (baja, benih dan membajak) tetapi pada 1966—1967 Kerajaan hanya memberi benih padi sa-banyak 4 gantang bagi sa-ekar.

Tahun	Luas Kawasan (ekar)	Perbelanjaan Ranchangan
1961—1965	2,398	\$ 110,280.66
1966—1967	557½	\$ 1,339.55

3. Ranchangan Anika Peladang

Ranchangan ini memberi bantuan kapada penternak2 lembu membina kandang lembu yang terator dan menanam rumput sa-luas $\frac{1}{4}$ ekar bagi tiap2 satu kandang lembu.

Tahun	Luas Kawasan (ekar)	Perbelanjaan Ranchangan
1961—1965	337	\$ 16,850.00
1966—1967	68	\$ 3,400.00

C. RANCHANGAN YANG DI-BIAYAI OLEH KERAJAAN NEGERI

1. Ranchangan Membaiki Sawah Yang Terbiar

Tujuan Ranchangan ini ia-lah untuk menentukan bahawa semua tanah2 sawah di-Negeri ini di-tanam dengan padi. Semua tanah2 sawah yang tertinggal dan terbiar boleh di-pulehkan balek dengan mendapat bantuan dari Kerajaan.

Tahun	Luas Kawasan (ekar)	Perbelanjaan Ranchangan
1961—1965	1,299 $\frac{1}{2}$	\$ 60,518.66
1966—1967	684 $\frac{1}{2}$	\$ 22,857.62

2. Ranchangan Memajukan Kebun Kelapa

Untuk membaiki kebun2 kelapa yang tua, terbiar dan tidak memberi hasil, Kerajaan memberi bantuan untuk memulihkan kebun2 ini dengan memberi benih dan baja. Ranchangan ini telah di-mulakan pada tahun 1966 dan mendapat sambutan yang baik. Sa-banyak \$14,315 telah di-belanjakan bagi memulihkan kebun kelapa sa-luas 262 ekar pada tahun 1966—1967.

Penerangan dan Latehan

Jabatan Pertanian mempunyai kereta2 Penerangan yang melawat ka-kampong2 untuk memberi penerangan berkenaan dengan pertanian kapada petani2.

Pusat Latehan Pertanian Sg. Udang ada-lah mengadakan kursus pertanian selama tiga minggu kapada pemuda2 dan pemudi2.

4. Ranchangan Menanam Padi Berkompol

Pada tahun 1967 Kerajaan Negeri telah menjalankan suatu Ranchangan Perintis Menanam Padi Berkompol di-Bachang sa-bagai perchubaan bagi mengatasi masalah2 dan kesulitan yang di-hadapi oleh penanam2 padi. Ranchangan ini telah pun mendapat kejayaan dan sekarang sedang di-chubukkan lagi di-beberapa kawasan lain di-Melaka ia-itu di-Melaka Pindah dan Sg. Rambai.

5. Ranchangan Menanam Jagong Berkompol

Pada tahun 1967 Kerajaan Negeri telah menjalankan Ranchangan Perintis Menanam Jagong Berkompol di-Sebatu, Sg. Udang dan Tg. Minyak. Ranchangan di-Sebatu dan Tg. Minyak telah mendapat kejayaan yang besar. Ranchangan ini sedang di-perluaskan lagi di-beberapa kawasan lain yang di-fikirkan sesuai.



▲ Mengubah.

◀ Membanding padi.

▼ Memetek jagong.



PERUBATAN DAN KESIHATAN

Tujuan: Untuk menyediakan perkhidmatan Perubatan, Pergigian dan Kesihatan yang lebuh baik di-dalam bandar dan kawasan2 luar bandar.

Kemajuan yang telah tercapai dalam tahun 1961—1968:

A. Pembaikan kapada Rumah2 Sakit:

- 1) **Anika Kelinik** telah di-bena dalam tahun 1962 dengan memakan belanja sa-jumlah \$22,280/. Anika Kelinik itu menyediakan rawatan Pesakit Luar Perubatan dan Pergigian kapada pendudok2 di-dalam dan di-sekeliling bandar Melaka.
- 2) **Suatu Sambongan kapada Anika Kelinik untuk X-Ray 'Miniatuire':** telah di-buat dalam tahun 1965 dengan memakan belanja sa-jumlah \$10,000/- guna untuk menyediakan kemudahan2 X-Ray yang lebuh baik kapada orang ramai.
- 3) **Pembaikan2 telah di-jalankan kapada Bangunan Bersalin di-Rumah Sakit Umum, Melaka,** dalam tahun 1964 dengan memakan belanja \$75,000/. Kemudahan2 yang lebuh baik sekarang di-sediakan kapada ibu2 untuk bersalin di-Bangunan Bersalin yang baru.
- 4) **Pembinaan Wad2 Perempuan dan bilek sembahyang dan perubahan kapada bangunan2 yang ada di-Rumah Sakit Daerah, Alor Gajah, Melaka** telah di-buat dalam tahun 1962 dengan memakan belanja sa-jumlah \$16,197/-.
- 5) **Pembaikan kapada Perkhidmatan2 Wad** untuk menyediakan kemudahan2 yang lebuh baik di-Rumah Sakit Umum, Melaka telah di-buat dalam tahun 1964 dengan memakan belanja sa-jumlah \$94,186/-.

B. Pembaikan di-dalam Perkhidmatan Pergigian:

Sa-belum tahun 1961, klinik2 pergigian di-Jasin dan Merlimau dan 2 buah rumah Kelas 'G' di-Tangga Batu dan Kelinik Pergigian Sempang Empat telah di-bena, guna untuk menyediakan Perkhidmatan Pergigian yang lebuh baik kapada pendudok2 di-kawasan2 luar bandar.

Dalam tahun 1968, sa-buah Kelinik Pergigian baru ada-lah di-bena di-Pengkalan Rama dengan memakan belanja sa-jumlah \$140,000/-.

C. Pembaikan2 kapada Perkhidmatan Kesihatan:

Sa-hingga sekarang, ada 2 buah pusat2 Kesihatan Besar, 9 buah Pusat Kesihatan Kechil, 4 buah Kelinik2 Kesihatan Ibu dan Anak dan 52 buah Rumah dan Kelinik Bidan yang mana 4 buah Rumah dan Kelinik Bidan berada di-dalam bangunan2 yang larna.

Bahagian dalam Klinik Pergigian bergerak dan murid2 Sekolah sedang menunggu giliran-nya di-tepi kereta.



Sa-bbelum tahun 1961, ada beberapa projek2 Kesihatan memberi perkhidmatan kapada pendudok2 di-kawasan luar bandar. Projek2 itu ada-lah saperti berikut:-

1. Pusat Kesihatan Besar di-Alor Gajah.
 2. Pusat Kesihatan Kechil di-Selandar.
 3. Klinik2 Kesihatan Ibu dan Anak di:-
 - i) Alai
 - ii) Tanjong Kling
 - iii) Merlimau
 - iv) Masjid Tanah
 4. Rumah dan Klinik Bidan di:-
 - i) Paya Rumput
 - ii) Tiang Dua
 - iii) Machap Baru
 - iv) Machap Umboo
 - v) Brisu
 - vi) Bukit Bruang
 - vii) Ramuan China Besar
 - viii) Asahan.
- Sejak tahun 1961, projek2 yang berikut telah di-benarkan:-
1. **Ranchangan tahun 1961:-**
 - a) Pusat Kesihatan Besar—Jasin \$127,797.26.
 - b) Pusat Kesihatan Kechil:-
 - i) Lubok China—\$93,307.45
 - ii) Padang Sebang—\$91,371.22
 - iii) Kemendore—\$34,328.14
 - c) Rumah dan Klinik Bidan:-

i) Batang Melaka	—	\$7,210.00
ii) Tcbong	—	\$7,130.00
iii) Sungai Siput	—	\$7,179.00
iv) Hutan Percha	—	\$6,790.00
v) Solok Menggong	—	\$6,970.00
vi) Kemendore	—	\$7,150.00
vii) Kuala Linggi	—	\$7,270.00
viii) Lendu	—	\$7,020.00
ix) Chenderah	—	\$7,240.00
x) Krubong	—	\$7,090.00
xi) Bertam Ulu	—	\$6,492.00
xii) Batu Berendam	—	\$6,300.00
xiii) Tangga Batu	—	\$6,572.00
xiv) Tehel	—	\$7,270.00
xv) Semabok	—	\$6,050.00
xvi) Solok Paya Dalam	—	\$7,320.00
xvii) Padang Temu	—	\$6,200.00
xviii) Kampong Pasir	—	\$6,732.00

sa-orang jururawat sedang memereksa berat badan sa-orang kanak2.






▲ Lawatan kereta ubat bergerak ka-sabuah kampung.

◀ Salah satu Kelinik dan Rumah Bidan yang dibina oleh Kerajaan di-kawasan luar bandar.

◀ Gambar ini menunjukkan pelarian melawan penyakit chachar, kerongkong, batok dan tetanus (terkanching mulut).

- 2. Ranchangan tahun 1962:-**
- a) Pusat Kesihatan Kechil:-
 - i) Kuala Sungai Baru — \$104,846.24
 - ii) Bukit Rambai — \$ 93,230.88
 - b) Rumah dan Klinik Bidan:-
 - i) Nyalas — \$6,850.00
 - ii) Bukit Senggeh — \$6,525.00
 - iii) Belimbang — \$7,100.00
 - iv) Kampong Pulau — \$7,100.00
 - v) Tanjung Bidara — \$7,100.00
 - vi) Bemban — \$6,500.00
 - vii) Pantai Kundor — \$6,500.00
 - viii) Bukit Katil — \$6,500.00
 - ix) Serkam Pulai — \$7,100.00
 - x) Parit Gantong — \$7,100.00
 - xi) Sebatu — \$7,100.00
- 3. Ranchangan Tahun 1963:-**
- a) Rumah dan Klinik Bidan:-
 - i) Umbai — \$6,900.00
 - ii) Gadek — \$6,900.00
 - iii) Pegooh — \$6,900.00
- 4. Ranchangan Tahun 1964:-**
- a) Pusat Kesihatan Kechil:-
 - i) Simpang Bekoh — \$ 97,045.75
 - ii) Durian Tunggal — \$112,149.75
- 5. Ranchangan Tahun 1965:-**
- a) Rumah dan Klinik Bidan:-
 - i) Masjid Baru — \$11,855.14
 - ii) Durian Daun — \$10,675.79
 - iii) Chin Chin — \$11,981.14
 - iv) Rembia — \$ 9,380.55
 - v) Pengkalan Balak — \$10,401.28
 - vi) Ayer Paabas — \$10,562.52
 - vii) Belimbang Dalam — \$ 9,731.95
- 6. Ranchangan Tahun 1966:-**
Tidak ada projek2 telah di-bena dalam tahun 1966.
- 7. Ranchangan Tahun 1967:-**
- a) Pusat Kesihatan Kechil-Sungai Rambai—\$143,000.00
 - b) Rumah dan Klinik Bidan:-
 - i) Cheng — \$11,500.00-
 - ii) Telok Mas — \$11,500.00
 - iii) Tiang Dua — \$11,500.00
 - iv) Pulas Sebang — \$11,500.00
 - v) Asahan — \$11,500.00
 - vi) Kesang Pajak — \$11,500.00
 - vii) Ayer Merbau — \$11,500.00



Sa-orang doktor gigi sedang bertugas di-Pusat Klinik Pergigian,
Tg. Kling.

8. **Ranchangan tahun 1968:-**

Projek2 yang berikut ada-lah di-bawah pembinaan dalam tahun 1968:-

- a) Pusat Kesihatan Besar (Pembaikan)—Masjid Tanah \$393,000.00
- b) Pusat Kesihatan Kechil—Ayer Molek—\$187,000.00.
- c) Rumah dan Klinik Bidan di:-
 - i) Melekek — \$18,000.00
 - ii) Tedong — \$18,000.00
 - iii) Kesang Tua — \$15,300.00

Rumah dan Klinik Bidan Taboh Naning (projek tahun 1967) akan di-bena dalam tahun 1968.

HAL EHWAL TANAH

Satu daripada mutlamat besar di-bawah Ranchangan Malaysia yang Pertama ia-lah meninggikan lagi pendapatan rakyat dan menambah peluang2 untuk mendapat kerja. Bagi penduduk2 di-luar bandar chara2 mencapai mutlamat yang penting ini ia-lah dengan jalan pertanian. Dua jenis tanaman pada masa ini yang menjadi asas besar ekonomi Negara ia-lah getah dan kelapa sawit. Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk meninggikan pendapatan penduduk-duduk2 di-luar bandar itu beberapa Ranchangan Tanah Pinggir telah pun di-buka di-beberapa kawasan dalam Negeri Melaka. Sa-hingga tahun 1965 sa-jumlah 32 Ranchangan Tanah Pinggir telah di-jayakan ia-itu 13 ranchangan di-Daerah Alor Gajah, 3 ranchangan di-Daerah Melaka Tengah dan 16 ranchangan di-Daerah Jasin. Jumlah luas-nya ranchangan yang di-jayakan sa-hingga akhir tahun 1965 ia-lah 12,214 ekar dan jumlah peserta2-nya ia-lah 2,532 orang.

2. Mulai tahun 1966 Kerajaan Negeri telah membuka sa-banyak 13 Ranchangan Tanah Pinggir ia-itu 6 di-Daerah Alor Gajah, 1 di-Daerah Melaka Tengah dan 6 di-Daerah Jasin. Dari-pada 13 ranchangan itu 4 ranchangan yang mengandungi 800 ekar telah siap dan sa-ramai 172 peserta telah di-masukkan ka-dalam ranchangan itu. 9 ranchangan lagi telah mulai di-buka pada awal tahun 1968 dan di-jangka akan siap pada akhir tahun ini juga.

Dua jenis Ranchangan2 Tanah Pinggir yang di-majukan dalam Negeri ini ada-lah seperti berikut:-

- (i) Ranchangan yang di-biayai oleh Kerajaan Negeri atau dengan wang pinjaman dari-pada Kerajaan Pusat;
- (ii) Ranchangan yang di-biayai oleh Kerajaan Negeri dengan mendapat bantuan daripa-da Lembaga Menanam Getah Sa-mula, sa-banyak \$400/- sa-ekar, yang di-namaikan Ranchangan Menanam Berkumpol.

3. Sebanyak 6 buah Ranchangan yang luas-nya 3,611 ekar telah mendapat bantuan dari Lembaga Menanam Getah Sa-mula. Ranchangan ini mempunyai seramai 559 orang peserta. Tiap2 peserta dalam Ranchangan Menanam Berkumpol di-beri sa-kurang2-nya 6 ekar dan tidak lebih daripada 7 ekar. Dua daripada Ranchangan ini ia-itu di-Bukit Katil dan Lipat Kajang telah mula di-toreh pada akhir tahun 1966. Pendapatan sa-saorangan peserta mengikut hitung panjang ia-lah antara \$120/- hingga \$180/- sa-bulan dengan harga getah antara 40c dan 45c sa-kati. Satu lagi Ranchangan di-bawah Ranchangan ini ia-lah di-Bukit Apit sa-luas, 1,092 ekar. Ranchangan yang mengandungi 182 peserta ini ada-lah di-jangka dapat di-toreh dalam pertengahan tahun ini.

RANCHANGAN2 TANAH PINGGIR
(Yang di-buka dengan Pinjaman Kerajaan Persekutuan)

NEGERI MELAKA

Bilangan	Nama Ranchangan	Daerah	Tahun di-buka	Luas (ekar)	Bilangan Peserta	Harga tiap2 Ranchangan
1.	Bukit Senandong I	Alor Gajah	1962	518 .	121	369,156.00
2.	Bukit Senandong II	Alor Gajah	1962	580	136	375,976.30
3.	Nyalas	Jasin	1962	1,402	223	121,194.00
4.	Kesang II	Jasin	1962	719	151	247,700.00
5.	Bukit Gondol	Jasin	1963	782	193	23,129.00
6.	Bukit Payong	Alor Gajah	1963	476	112	32,832.00
7.	Ayer Pasir	Alor Gajah	1963	376	94	37,459.30
8.	Bukit Beruang	Melaka Tengah	1963	308	71	22,472.50
9.	Bukit Terbakar	Alor Gajah	1964	427	101	125,444.45
10.	Solok Ayer Balak	Alor Gajah	1964	263	64	64,919.00
11.	Anak Ayer Talan	Jasin	1964	164	40	47,246.15
12.	Bukit Gong	Jasin	1964	186	46	53,267.65
13.	Macchap Umbao	Alor Gajah	1965	92	23	23,666.50
14.	Tebong I	Alor Gajah	1965	45	11	13,625.80
15.	Batang Melaka	Jasin	1965	75	19	24,744.60
16.	Bukit Keledang	Jasin	1965	82	20	23,909.00
17.	Tebong II (Jalan Tampin/Gemas)	Alor Gajah	1965	58	15	19,259.00
18.	Anak Ayer Repat	Jasin	1965	118	27	27,564.00
19.	Melengkan	Jasin	1965	44	11	13,420.00
20.	Bukit Katong	Jasin	1965	46	11	13,670.60
21.	Kemengkang	Jasin	1965	120	30	28,643.50
22.	Bukit Putus I	Jasin	1965	183	44	45,333.50
23.	Bukit Panchor	Alor Gajah	1966	294	71	104,432.00
24.	Mantai	Jasin	1967	199	46	57,470.00
25.	Bukit Bemban	Jasin	1968	60	—	—
26.	Hutan Jalor	Jasin	1968	130	—	—
27.	Jus	Jasin	1968	50	—	—
28.	Paya Rumput	Alor Gajah	1968	55	—	—
				7,852	1,680	

RANCHANGAN TANAH PINGGIR NEGERI
(Yang di-buka dengan Wang Kerajaan Negeri)

Bilangan	Nama Ranchangan	Daerah	Tahun di-buka	Luas (ekar)	Bilangan Peserta	Harga tiap2 Ranchangan
1.	Kesang I	Jasin	1962	291	70	243,892.00
2.	Ulu Jus Gapis	Jasin	1962	155	36	55,332.50
3.	Solok Ayer Balaga	Alor Gajah	1962	515	122	186,239.50
4.	Solok Ayer Bemban	Alor Gajah	1962	265	63	104,173.00
5.	Bukit Kuau	Jasin	1962	568	135	268,027.48
6.	Bukit Putus II	Jasin	1967	51	11	30,248.00
7.	Sungai Gapam II	Melaka Tengah	1967	206	49	65,186.00
8.	Semujok	Jasin	1968	60	—	—
9.	Ayer Tandoh	Alor Gajah	1968	50	—	— Belum siap
10.	Solok Ayer Kubin	Alor Gajah	1968	70	—	—
11.	Bukit Mentangor	Alor Gajah	1968	71	—	—
12.	Bukit Chempias	Alor Gajah	1968	76	—	—
				2,378	486	

RANCHANGAN MENAMAN BERKUMPULAN
(Group Planting Scheme)

Bilangan	Nama Ranchangan	Daerah	Tahun di-buka	Luas (ekar)	Bilangan Peserta	Kedua-dua Ranchangan (Baik/Sedang/Gagal)	Harga tiap2 Ranchangan
1.	Bukit Katil	Melaka Tengah	1959	426	71	Baik-sudah di-toreh	108,669.69
2.	Lipat Kajang	Jasin	1959	540	90	Baik	142,069.17
3.	Bukit Apit I	Alor Gajah	1959	1,092	182	Baik	306,878.65
4.	Sungai Gapam I	Melaka Tengah	1964	642	98	Baik	142,630.50
5.	Bukit Apit II	Alor Gajah	1965	597	102	Baik	136,308.00
6.	Paya Taniong	Jasin	1966	277	44	Baik	117,332.00
				3,574	1,037		



Ranchangan Tanah Pinggir di-Bukit Apit, Alor Gajah.

**LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN CHAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN MELAKA
Kemasokkan Peneroka**

Bil.	Ranchangan	Jumlah Peneroka (Peruntokan)	Jumlah Peneroka (Keluarga) yang telah di-tempatkan				Jumlah Peneroka (Keluarga) yang akan di-Panggil Masuk	Catatan
			Melayu	China	India	Jumlah		
1.	Kemendore	380	236	143	—	379	1	
2.	Machap	120	70	50	—	120	—	
3.	Solok Menggong	97	97	—	—	97	—	
4.	Hutan Percha	284	208	67	6	281	3	
	Jumlah	881	611	260	6	877	4	

KERAJAAN2

Bil.	Jenis Ranchangan	Tahun di-laksana-kan	Tempat	Bilangan Penduduk dapat fardah	Harga
1.	Bekalan Ayer Tampin/Alor Gajah	1961	Alor Gajah, Pulau Sebang, Simpang Ampat Berisu dan Ayer Pa'abas	32,100	\$ 748,749.59
2.	Hutan Percha	1961	Hutan Percha	2,027	193,657.43
3.	Machap/Solok Menggong	1962	Machap dan Solok Menggong	1,299	318,543.23
4.	Kemendore I & II	1962	Kemendore Phase I & II	1,578	242,421.64
5.	Kemendore III & IV	1962	Kemendore Phase III & IV	693	173,355.75
6.	Extensions to Alor Gajah Water Supply Phase II	1964—1967	Kg. Machap Umboo Lubok China, Masjid Tanah, Kuala Sg.	1,000	103,426.98
7.	Bekalan Ayer Sungai Baru	1964—1967	Baru, Kuala Linggi dan Tg. Bidara	10,300	1,200,000.00
8.	Bekalan Ayer Bukit Bruang	1964—1967	Ayer Keroh dan Bukit Bruang	1,000	400,000.00
9.	Bekalan Ayer Merlimau/Sg Rambai	1963—1969	Merlimau, Sg. Rambai, Jasin dan Selandar	60,000	4,250,000.00



Ranchangan Tanah Pinggir di-Ayer Bemban, Alor Gajah luas-nya 265 ekar.



Ranchangan Tanah Pinggir di-Bukit Apit perengkat ke-dua luas-nya 597 ekar.

4. Di-bawah Ranchangan yang di-biayai oleh Kerajaan Negeri satu ranchangan ia-itu di-Bukit Kuau luas-nya 568 ekar, mengandungi 135 peserta telah di-toreh pada 25hb Mach tahun ini dan ada kemungkinan 3 ranchangan lagi dapat di-toreh pada akhir tahun ini. Oleh kerana Negeri Melaka kekurangan tanah, Kerajaan telah menguntokkan kapada tiap2 peserta hanya 4 ekar sahaja.
5. Kerajaan Negeri Melaka telah membelanjakan wang berjuta2 ringgit bagi memajukan Ranchangan2 Tanah Pinggir dengan tujuan menambahkan lagi pendapatan peserta2. Walau pun ada sa-bilangan kecil peserta2 yang tidak bersungguh2 menjayakan tanah-nya masing2 yang mengakibatkan mereka itu di-singkirkan tetapi pada keselurohan-nya semua Ranchangan2 Tanah Pinggir Dalam Negeri Melaka telah mencapai kejayaan yang besar dan mendapat pujian daripada pelawat2 dan Kerajaan Pusat. Oleh kerana dasar Negara dalam Ranchangan Malaysia yang Pertama ini ia-lah untuk mempelbagaikan pertanian maka pada masa hadapan Kerajaan Negeri berchadang untok menjayakan tanah di-bawah Ranchangan Tanah Pinggir dengan menanam kelapa sawit. Ranchangan ini akan di-adakan di-kawasan2 yang sesuai.

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan mempunyai empat buah Ranchangan sahaja di-Negeri Melaka dan semua-nya telah jaya di-kendalikan.

Ka-empat2 Ranchangan Lembaga ini telah di-tanam dengan getah dengan penoh-nya dan berjumlah 6,594 ekar saperti berikut:-

a) Kemendore	—	2,917 ekar
b) Machap	—	738 ekar
c) Solok Menggong	—	600 ekar
d) Hutan Percha	—	2,339 ekar
Jumlah	—	<u>6,594 ekar</u>

Tiga buah daripada Ranchangan2 ini ia-itu Kemendore, Machap dan Solok Menggong telah pun mengeluarkan hasil mulai tahun 1966. Jumlah keluasan tanaman getah yang telah mengeluarkan hasil ini ia-lah 3,884 ekar saperti berikut:-

a) Kemendore	—	2,614 ekar
b) Machap	—	688 ekar
c) Solok Menggong	—	582 ekar
Jumlah	—	<u>3,884 ekar</u>

Bagi Ranchangan Kemajuan Tanah Hutan Percha ada-lah di-jangka sa-banyak 623 ekar akan dapat di-toreh mulai dari pertengahan tahun 1968 ini.

Pada masa ini Lembaga menumpukan kerja2 harian saperti menchuchi dan merumput kawasan2 ladang.

Sa-lain daripada itu, peneroka2 di-kaempat2 buah Ranchangan ini ada-lah di-galakkan supaya berdiri di atas kaki sendiri dengan menjalankan usaha2 berchuchok tanam sayor2an, mengadakan kolam2 ikan, bersawah dan juga bersharikat. Untuk mengendalikan usaha2 tersebut, Lembaga telah menubahkan suatu chawangan bernama Bahagian Pembangunan Kemajuan Peneroka yang mana pegawai2-nya ada-lah bertanggung jawab untuk memberi nasehat2 serta mengawasi usaha2 yang di-jalankan di-Ranchangan ini. Di-samping itu sa-buah Jawatan Kuasa Kemajuan yang terdiri dari peserta2 di-bawah pimpinan pegawai2 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah di-tubohkan bagi menjalankan tugas yang sama.

Keluasan yang telah Mengeluarkan Hasil dan yang di-jangka akan Mengeluarkan Hasil dalam tahun 1968


Bil.	Ranchangan	Keluasan Tanaman	Keluasan yang tetap Mengeluarkan Hasil	Keluasan yang di-Jangka Mengeluarkan Hasil Dalam Tahun 1968	Jumlah Keluaran yang akan Mengeluarkan Hasil hingga akhir 1968
1.	Kemendore	2,917	2,614	303	2,917
2.	Machap	738	668	70	738
3.	Solok Menggong	600	582	18	600
4.	Hutan Percha	2,339	—	623	623
	JUMLAH	6,594	3,864	1,014	4,878



▲ Peneroka ranchangan L.K.T.P. men-
gerjakan tanah mereka.



◀ Rumah2 peneroka L.K.T.P. di-Hutan
Percha.



▼ Kawasan perumahan ranchangan,
L.K.T.P.

◀ Sekolah Munshi Abdullah Batu Berendam.

▼ Sa-bahagian daripada pemandangan Sekolah Menengah Tun Tijah, Durian Daun.



P E L A J A R A N

PERKEMBANGAN DI-BIDANG PELAJARAN

(a) Sekolah2 Rendah

Di-dalam masa 10 tahun ini jumlah sekolah rendah di-Negeri Melaka telah meningkat daripada 198 kapada 212 ia-itu tambahan sa-banyak 14 buah. Ini bukan-lah gambaran yang tepat menunjukkan keadaan perkembangan yang sa-benar-nya oleh kerana beberapa buah sekolah yang kecil di-tutup dan di-chantumkan kapada sekolah2 yang besar untuk mendapatkan pengurusan yang lebuh baik lagi. Oleh itu perkembangan sa-benar-nya ada-lah lebuh besar daripada apa yang di-tunjukkan oleh angka2 itu. Kebanyakan daripada sekolah2 ini menerima tambahan bilek2 darajah, pejabat, kantin dan lain2 lagi, dan hasil daripada itu beberapa buah sekolah telah menjadi besar. Dengan chara yang bagitu lebuh ramai lagi murid2 mempunyai peluang untuk belajar di-skolah2 yang besar di-mana ada lengkap kemudahan2 pelajaran. Sa-lain daripada ranchangan ini, juga ia-lah ranchangan menggantikan bangunan2 lama dengan bangunan2 baharu.

(b) Sekolah2 Menengah

Dalam tempoh 10 tahun ini perkembangan yang sunggoh besar ia-lah di-dalam bahagian menengah. Sekolah Menengah telah bertambah daripada 7 buah dalam tahun 1957 kapada 33 buah dalam tahun 1967. Perkembangan yang lebuh besar lagi ia-lah di-bahagian Sekolah Menengah Kebangsaan yang mana dalam tahun 1957 tidak ada sa-buah Sekolah Menengah Kebangsaan pun tetapi pada masa sekarang Negeri ini sudah ada 10 buah Sekolah Menengah Kebangsaan. Sekolah2 Menengah Kebangsaan hanya di-mulakan dalam tahun 1959 sahaja dan pada mula-nya di-tempatkan di-sekolah2 Menengah Inggeris. Ranchangan untuk mendirikan Sekolah2 Menengah Kebangsaan hanya bermula dalam tahun 1964. Nyata-lah Perkembangan yang paling pesat dalam tempoh itu ia-lah dalam pembinaan sekolah2 menengah di-luar bandar. Bilangan sekolah2 ini telah meningkat daripada 7 buah dalam tahun 1957 kapada 23 buah dalam tahun 1967. Sa-belum tahun 1957 tidak ada Sekolah2 Menengah di-kawasan luar bandar tetapi pada masa ini 16 daripada 33 buah Sekolah Menengah ini terdapat di-daerah2 dan di-kawasan2 luar bandar. Hasil daripada ini murid2 di-daerah luar bandar telah dapat menjimatkan wang, masa dan tenaga kerana mereka tidak perlu lagi berulang alek ka-bandar Melaka untuk ka-Sekolah Menengah.

Jadual I dan II di-bawah ini menunjukkan perkembangan sekolah2 di-Negeri Melaka dalam masa 10 tahun.



▲ Sekolah Menengah Tun Tijah di-Durian Daun, Melaka.

Sa-bahagian daripada murid2 yang mendapat faedah daripada ran-chang basikal Kerajaan Negeri.

**JADUAL I
Sekolah2 Rendah (1957—1967)**

	Sek. Keb.		Sekolah2 Jenis Kebangsaan						JUMLAH	
			Inggeris		China		Tamil			
	1957	1967	1957	1967	1957	1967	1957	1967	1957	1967
Bil. Sekolah2	100	106	11	19	51	64	36	23	198	212
Bil. Murid2	23899	31023	4830	16183	14971	16325	1472	2605	45162	66136
Bil. Guru2	755	1157	134	497	506	622	52	127	1447	2403

**JADUAL II
Sekolah2 Menengah (1957—1967)**

	Sek. Kebangsaan		Sek. Jenis Kebangsaan (Inggeris)		JUMLAH	
			1957	1967	1957	1967
	1957	1967	1957	1967	1957	1967
Bil. Sekolah2	—	10	7	32	7	33
Bil. Murid2	—	7957	1175	15049	1175	23006
Bil. Guru2	27867	319	90	633	90	952



6687

BILANGAN MURID2

(a) Sekolah2 Rendah

Di-dalam masa 10 tahun ini bilangan murid2 di-sekolah2 rendah telah bertambah lebih kurang 50%, ini ada-lah hasil daripada dasar Kerajaan memberi pelajaran perchuma di-peringkat Sekolah2 Rendah. Di-dalam tahun 1957, jumlah murid2 di-Sekolah2 Rendah ia-lah sa-ramai 45,162 orang dan dalam tahun 1967 jumlah ini telah meningkat ka-angka 66,136 orang. Kadar penambahan bilangan murid2 di-Sekolah2 Rendah ini ada-lah tinggi jika di-bandingkan dengan jumlah kadar penambahan penduduk2 di-Negeri ini. Ini ada-lah di-sebabkan oleh perubahan pendapat ibu-bapa mengenai pelajaran ia-itu menghantar semua anak2 mereka ka-sekolah2.

(b) Sekolah2 Menengah

Satu lagi perkembangan yang nyata ia-lah bertambah-nya bilangan murid2 di-Sekolah2 Menengah. Dalam tahun 1957 jumlah murid2 di-sekolah2 menengah ia-lah 1175 orang dan dalam tahun 1967 jumlah ini telah meningkat ka-angka 23,006. Perkembangan ini bukan sahaja terdapat di-bahagian Sekolah Menengah Inggeris tetapi terutama sekali di-bahagian Sekolah Menengah Kebangsaan.

Bertambah-nya bilangan murid2 ini ada-lah kerana sebab2 berikut:-

- (a) Bermula-nya Sekolah Menengah Kebangsaan dalam tahun 1959. Pada masa ini jumlah murid2 di-Sekolah Menengah Kebangsaan ia-lah hampir kapada 8,000 orang.
- (b) Penyediaan Sekolah2 Menengah di-kawasan luar bandar. Dengan ada-nya sekolah2 ini murid2 tidak payah lagi pergi ka-bandar untuk mendapatkan pelajaran menengah.
- (c) Ada-nya kemudahan2 di-sekolah2 menengah yang mana kemudahan2 ini tidak ada sa-belum daripada itu.
- (d) Galakan daripada Kerajaan dalam kempen memberi pelajaran tinggi kapada anak2.

BILANGAN GURU2

Dengan bertambah-nya bilangan sekolah2, bilek2 darjah, dan murid2, bilangan guru2 pun bertambah juga. Di-bahagian Sekolah2 Rendah, dalam tahun 1957, hanya ada sa-ramai 1,447 orang guru dan dalam tahun 1967 bilangan ini telah meningkat ka-angka 2,403. Di-bahagian Sekolah Menengah tambahan ini lebih besar lagi. Dalam tahun 1957 ada sa-ramai 90 orang sahaja guru2 di-Sekolah Menengah dan bilangan ini telah meningkat ka-angka 952 orang dalam tahun 1967. Sa-belum tahun 1967 jumlah guru2 ini tidak begitu besar tetapi guru2 sementara di-gunakan di-bahagian Sekolah Menengah dan juga di-bahagian Sekolah Rendah. Sa-lepas tahun 1967 banyak antara guru2 sementara itu telah di-gantikan dengan guru2 yang terlatih.

'AM

Dalam masa 10 tahun ini kemajuan yang pesat telah tercapai dalam bidang pelajaran. Kemajuan itu ada-lah di-sebabkan ada-nya bangunan2 sekolah yang lengkap dengan kemudahan2 pelajaran dan sistem pelajaran yang moden.



Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Dol Said di-Alor Gajah.



Sekolah Anika Jurusan Alor Gajah.




Sekolah Menengah Ugama (Sultan Mohammed) di-Batu Berendam, Melaka Tengah.



▼ Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Jasin.





▲ 6 pintu kedai (2 tingkat) di-Jalan Hang Tuah.

▼ Kedai2 MARA sedang di-bena di-Jalan Hang Tuah.

▲ Kerja meratakan tapak rumah ran-changan perumahan MARA di-Bkt. Katil sedang di-jalankan.

▼ Pekubun2 kecil menyediakan getah di-pusat penyelidikan getah berkelom-pok.

MAJLIS AMANAH RA'AYAT

MARA ada-lah merupakan satu lambang kemajuan yang telah membawa nafas baru kepada Bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

MARA telah berjaya mengubah sikap raayat terutama sekali ahli2 perniagaan dan perusahaan. Mereka telah di-beri berbagai2 kemudahan dan pertolongan untuk memajukan lagi perniagaan dan perusahaan mereka. Kemudahan2 yang di-berikan itu ada-lah berupa nasihat, kursus2 dan latehan2, wang pinjaman dengan faedah yang rendah, tempat2 perniagaan dan lain2 lagi.

(1) RANCHANG USAHA PINJAMAN:-

Sa-jumlah 1,046 ranchangusaha telah di-berikan bantuan dengan pinjaman sa-banyak \$2,973,048.

(2) BANGUNAN2 PERNIAGAAN UNTOK BUMIPUTRA:-

(a) Sa-jumlah 9 PEKAN SARI telah di-dirikan dengan perbelanjaan sa-banyak \$52,910.

(b) (i) **2 Pintu Kedai (2 tingkat)—\$80,000/- di-Jalan Munshi Abdullah, Melaka.**
Di-sewakan untuk perniagaan perchetakan, kedai makan, Import/Export Agency, Correspondence School dan Pejabat Urusan Pelanchangan.

(ii) **9 Pintu BAZAAR—\$50,000/- di-Jalan Laksamana Melaka.**
Di-sewakan untuk perniagaan alatan elektrik, alatan paip, kedai gunting, jualan buku, alat sokan, barang2 perusahaan tangan dan klinik homeopathy.

(iii) **6 Pintu Kedai (2 tingkat)—\$180,000/- di-Jalan Hang Tuah, Melaka.**
Projek ini sedang pesat di-bina oleh Jabatan Kerja Raya. Bangunan ini sa-benar-na mempunyai di-bahagian bawah sa-belah hadapan 6 pintu kedai biasa, sa-belah belakang 6 pintu gerai menghadapi penhentian bas baru dan di-bahagian atas 6 pintu.

(iv) **4 Pintu Kedai (2 tingkat) di-Pekan Masjid Tanah — \$95,000/-.**
Sedang pesat di-laksanakan oleh J.K.R.

(v) **4 Pintu BAZAAR—\$20,000/- di-Bandar Alor Gajah**
Projek ini telah di-luluskan untuk di-laksanakan dan di-kelolakan oleh MARA Kuala Lumpur.

(vi) **5 Pintu Gerai—\$4,000/- di-Hutan Percha (Kawasan Lembaga Kemajuan Tanah):-**
Projek ini telal di-luluskan untuk di-laksanakan.



Sa-bahagian daripada bas MARA.

(c) **RANCHANGAN:-**

- (i) 3 Pintu BAZAAR — \$15,000/- (sambongan kepada 9 pintu) di-Jalan Laksamana, Melaka:-
Bangunan ini akan di-bena sa-telah 2 pintu kedai lama (Lease 99 tahun) di-robohkan awal tahun ini;
- (ii) 12 Pintu Kedai (2 tingkat)—\$180,000/- di-Jalan Bandar Kaba:-
Penyiasatan terhadap Ranchangan ini maseh di-uruskan;
- (iii) Penyiasatan sedang di-uruskan untuk mengadakan kedai2 perniagaan di-Pekan Merlimau dan Pekan Durian Tunggal.

(3) **PERKHIDMATAN BAS:-**

6 buah bas penumpang dan 2 bas kanak2 sekolah telah menjalankan perkhidmatannya (i) Jasin/Kemendor; (ii) Alor Gajah/Pegoh Estate/Tampin; (iii) Alor Gajah/ Ayer Pa'Abas; (iv) Alor Gajah/Hutan Percha; (v) Masjid Tanah/Berisu dan (vi) Masjid Tanah Kg. Pulau/Kuala Sg. Baru dan Ayer Molek.

(4) **LATEHAN**

Sekolah Latehan Kemahiran MARA—\$750,000/- di-Jalan Hang Tuah:-

Peruntukan projek ini telah di-luluskan untuk pelaksanaan-nya Latehan2 (1 sa-hingga 2 tahun) yang di-ranchangkan ia-lah uato-electrical, auto-mobile dan mechanical.

Sa-jumlah 320 permohonan telah di-terima (sa-hingga 31.12.1967) untuk mendapatkan peluang latehan di-lapangan:-

Jentera, motor, bangunan, mengurus perusahaan, letrik, jahit menjahit dan lain2 kemahiran.

(5) **PERUSAHAAN GETAH:-**

- (a) Sa-buah Kilang Getah—\$120,000/- telah di-bena di-Sg. Buloh, Daerah Alor Gajah untuk memberikan kemudahan memprocess getah pekebun2 kecil. Pen-tadbiran Projek ini telah di-ambil alih oleh R.R.I. mulai April 1967.
- (b) Sa-jumlah 21 Projek telah di-laksanakan dengan perbelanjaan sa-banyak \$37,840/-. Ini termasuk pembinaan 6 buah rumah asap. Jumlah peserta ia-lah 461 terdiri daripada pekebun2 kecil.

Daerah Melaka Tengah

Solok Paya Rumput
Bukit Nibong
Telok Mas
Bukit Rambai
Bukit Durian
Kerubong

Daerah Alor Gajah

Solok Ayer Limau
Sg. Petai
Padang Keladi
Machap
Ayer Hitam Darat
Panchor

Daerah Jasin

Tehel
Chohong
Serkam Darat
Kemangkang
Ulu Duyong
Parit Putat
Kg. Pasir Merlimau.
Tedong

32 Projek (5 Perniagaan; 11 Perusahaan; 4 Perkhidmatan; 1 Pengangkutan; 11 Pembinaan) telah mendapat perhatian dari Pegawai2 dan Pakar Bahagian Khidmat Penasihat MARA ia-itu di-lapangan nasihat teknik, hal pengurusan perniagaan, perma-saran, kejuruteraan, pengeluaran dan menyimpan buku kira2.

(6) **RANCHANGAN PERUMAHAN LUAR BANDAR MARA:-**

Pada 29hb. Julai, 1967, Yang Amat Berhormat Tun Abd. Razak bin Dato' Hussein, Al-Haj., Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar Malaysia telah meresmikan pelancaran Projek Perumahan (Perengkat I—10 buah) di-Kawasan Tanah Pinggir, Bukit Katil, Daerah Melaka Tengah. Projek ini ia-lah yang pertama di-mulakan di-Malaysia. Untuk mengambil sempana jasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menamakan Kampong ini sa-bagai Kg. Tun Razak. Sa-hingga akhir Disember 1967—20 keluarga telah bermastautin di-Kg. Tun Abd. Razak. 70 peserta2 Tanah Pinggir telah di-susun sa-chara pasukan bagi meneruskan kerja2 membina 50 buah rumah (Perengkat III , IV, V, VI & VII) dalam tahun 1968. Sa-buah Badan Penasihat bagi Ranchangan ini telah di-bentok oleh Kerajaan dengan Pesurohjaya Tanah dan Galian Negeri Melaka sa-bagai Pengurus dan Pegawai MARA Negeri sa-bagai Setia Usaha.




▲ 9 pintu Bazaar di-Jalan Laksamana.


◀ Kilang getah MARA di-Sungai Buloh.

▼ Ranchangan perumahan MARA di Kg. Tun Razak, Bkt. Katil.





- ▲ Pusat memperoses getah berkelompok
- Sa-buah daripada rumah murah MARA di-Bukit Katil.
- Pembinaan Sekolah Latehan Kema-hiran MARA di-Jalan Hang Tuah.
- ▼ Sharikat Kedai Barang2 Ronchit, Sun-gei Udang.



HAL EHWAL UGAMA ISLAM

Pejabat Ugama Islam, Negeri Melaka, telah di-tubohkan dalam tahun 1960 bagi melaksanakan tugas2 di-bawah ini:-

- (i) Kawalan Masjid2
- (ii) Kawalan Surau2
- (iii) Kawalan Sekolah2 Ugama dan Madrasah2
- (iv) Perkahwinan, Percherai dan Rojo'
- (v) Guru2 Ugama yang mengajar di-Sekolah2 Kebangsaan/Jenis Kebangsaan.
- (vi) Pejabat2 Kadhi dan Mahkamah2 Shariah
- (vii) Pungutan dan Penyelesaian Zakat dan Fitrah di-bawah Majlis Ugama Islam, Melaka.

dan lain2 yang bersangkut dengan pentadbiran hal ehwal ugama Islam.

Masjid2:-

Ada-lah satu2 projek yang mendapat peruntukan dalam Ranchangan Pembangunan dalam Negeri ini.

Sekolah2 Ugama dan Madrasah:-

Sekolah2 Ugama dan Madrasah ada-lah juga di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan dengan bantuan dari Majlis Ugama Islam Negeri.

Kerajaan Negeri Melaka telah membina sa-buah Sekolah Menengah Ugama Sultan Mohammad di-Batu Berendam yang telah di-buka dengan resmi-nya oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 21hb. Ogos, 1967. Sekolah ini menerima murid2 lelaki dari Sekolah2 Ugama dalam Negeri Melaka bagi melanjutkan pelajaran-nya. Perbelanjaan membina Sekolah ini ada-lah sa-banyak \$500,000/- lengkap dengan Dewan, bangunan Kentin dan Masjid.



▲ Mendengar Khutbah sebelum sembahyang Juma'at di-Masjid Limbongan.

► Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong beruchap titah merasmikan Pembukaan Sekolah Menengah Ugama di-Batu Berendam.





Masjid Sultan Muhammad bagi Sekolah Menengah Ugama Batu Berendam.

Sa-buah lagi sekolah sa-umpama ini akan di-bena oleh Kerajaan Negeri Melaka dalam tahun 1968 ini untuk murid2 perempuan pula.

Murid2 yang belajar di-Sekolah2 Menengah ini ada-lah di-ajar dalam hal pelajaran—Ugama, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan juga lain2 mata2 pelajaran mengikut sukanan Kementerian Pelajaran.

Pelajaran Ugama di-Kelas2 Dewasa Ugama

Pejabat ini dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Dewasa ada-lah mengadakan kelas ugama di-Sekolah2 bagi orang dewasa.

Biasiswa bagi Pelajaran Tinggi Ugama

Kerajaan Negeri ada-lah menguntokkan biasiswa pada tiap2 tahun bagi pelajaran tinggi ugama.



Masjid Limbongan ada-lah sa-buah daripada beberapa masjid yang di-bena dalam Negeri Melaka.

Sa-bahagian daripada pemandangan Rumah Pangsa Polis di-Bandar Hilir. ►



Sa-ruangan Rumah Pangsa Polis 11 tingkat di-Bandar Hilir. ►



KERJA RAYA

Dalam rancahan2 pembangunan Negara dan Luar bandar, pembinaan jalan2 raya ada-lah mendapat keutamaan Jalan2 raya dan jambatan2 ada-lah di-bena untuk menghubungi Kampong2 dan pekan2 dalam negeri dengan tujuan untuk memberi kemudahan2 dan kese-nangan kepada penumpang2 dan pengankutan di-antara tempat2 tersebut. Jabatan Kerja Raya ada-lah menjalankan projek2 yang berikut:-

- 1) Membesarkan dan membaiki jalan2 raya dan jambatan yang sedia ada.
- 2) Membina jalan2 dan jambatan baru dan membaiki jalan2 kampong.

PROJEK JALAN2 RAYA

Tahun	Jenis Ranchangan	Panjang-nya (Batu)	Tempat	Harga
1961	Jalan Cheng, Krubong	3.42	Daerah Melaka Tengah Mukim Cheng Kampong Krubong	\$281,954.99
	Jalan Pantai Merlimau/K. Sg. Renggi	1.54	Daerah Melaka Tengah Mukim Merlimau Kampong Permatang Pasir	119,513.09
	Jalan Chabau Parit Keliling	0.75	Daerah Jasin Mukim Chabau Kg. Parit Keliling	54,190.27
	Jalan Nyalias Pondok Batang	0.38	Daerah Jasin Mukim Nyalias Kg. Pondok Batang	29,417.51
	Jalan Bunga Raya	0.66	Daerah Jasin Mukim Sempang Kg. Tanjung Pinang	74,734.81
	Jalan Kelubi	1.63	Daerah Jasin Mukim Rim, Kampong Rim	158,428.96
1962	Jalan Kampong Tehel	0.38	Daerah Jasin Mukim Ayer Molek Kampong Tehel	47,780.89
	Jalan Chay Yan—Tiang Dua	4.42	Daerah Melaka Tengah Mukim Bukit Lintang Kampong Tiang Dua	375,240.24
	Jalan Ayer Tawar	1.18	Daerah Jasin Mukim Sebatu Kg. Ayer Tawar	127,138.16
	Jalan Tehel	3.00	Daerah Jasin Mukim Ayer Molek Kampong Tehel	224,980.84
	Jalan Tambak Paya Ayer Molek	0.95	Daerah Melaka Tengah Mukim Ayer Molek Kampong Ayer Molek	91,807.47



▲ Jalan Raja di-kawasan luar bandar sedang di-bena oleh pekerja2 Jabatan Kerja Raya.

▼ Sekolah Menengah Tun Perak di-Daerah Jasin.







PHOTO BY NG TAI THENG

▲ Memasang paip ayer di-luar bandar.

▼ Sa-buah kolam ayer sedang di-bena di-kawasan luar bandar.




SELAMAT DATANG
Y.A.B.TUN ABDUL RAZAK



▲ Pembukaan rasmi sa-batang Jalan di-Ayer Pa'abas, Alor Gajah oleh YAB Tun Abdul Razak.

▼ Bangunan Pelabuhan di-tepi laut untuk Pejabat2 Laut, Immigreshen, Perikanan dan Kastam.



Tahun	Jenis Ranchangan	Panjang-nya (Batu)	Tempat		Harga
	Access Road to Bukit Katil land Development	1.08	Daerah Melaka Tengah Mukim Bukit Katil Kg. Bukit Katil		\$ 77,846.23
	Ayer Molek Deviation	0.75	Daerah Melaka Tengah Mukim Ayer Molek Kg. Ayer Molek		38,952.35
	Improvement to 18½ m.s. Rantau Panjang Sg. Baru	0.10	Daerah Alor Gajah Mukim Masjid Tanah Kg. Rantau Panjang		9,462.15
	Nyalas Jalan Tengah Mantai	0.38	Daerah Jasin Mukim Nyalas Kampong Mantai		47,648.52
1963	Jalan Pantai Tanah Merah/ Pantai Kundor	1.17	Daerah Melaka Tengah Mukim Tangga Batu Kg. Pantai Kundor		88,235.37
	Jalan Solok Menggong/ Hutan Percha	8.34	Daerah Alor Gajah Mukim Machap Kg. Hutan Percha		961,441.41
	Jalan Tg. Agas Kuala Linggi	1.28	Daerah Alor Gajah Mukim Kuala Linggi Kg. Telok Pernu		121,718.49
	Jalan Pengkalan Perigi/ Tanjung Kling	3.38	Daerah Melaka Tengah Mukim Tg. Kling Kg. Pantai Kundor		335,010.84
	Jalan Rantau Panjang, Kg. Lelong/Padang Besar, Padang Kambing, Lanjut Manis	5.50	Daerah Alor Gajah Mukim Masjid Tanah Kampong Lelong		706,039.92
	Jalan Parit Melana Solok/ Solok Belimbang	3.58	Daerah Alor Gajah Mukim Belimbang Kg. Solok Belimbang		188,858.68
	Jalan Durian Tunggal Jalan Pulau		Daerah Alor Gajah Mukim Belimbang Kg. Jalan Pulau		308,626.81
	Jalan Asam Kumbang	1.82	Daerah Jasin Mukim Ayer Panas Kg. Asam Kumbang		114,223.12
	Jalan Bemban Kesang Tua	2.00	Daerah Jasin Mukim Ayer Panas Kampong Kesang Tua		129,254.42
	Jalan Tanjung Minyak	2.87	Daerah Melaka Tengah Mukim Cheng Kampong Tg. Minyak		208,855.99
	Jalan Parit Putat	2.50	Daerah Jasin Mukim Sg. Rambai Kg. Sungai Rambai		263,737.73

Tahun	Jenis Ranchangan	Panjang-nya (Batu)	Tempat		Harga
1964	Jalan Mukim Jus	2.50	Daerah Jasin Mukim Jus Kampong Jus		\$237,402.51
	Jalan Kemuning	2.00	Daerah Alor Gajah Mukim Kemuning Kg. Kemuning		219,900.59
	Jalan Parit Penghulu/Pekan Pasir/Padang Kerbau	3.56	Daerah Jasin Mukim Sebatu Kampong Pasir		346,638.34
	Jalan Pegoh/Ulu Pegoh	2.20	Daerah Alor Gajah Mukim Pegoh Kampong Ulu Pegoh		168,061.48
	Jalan Kuala Linggi	3.06	Daerah Alor Gajah Mukim Kuala Linggi Kg. Kuala Linggi		175,394.22
	Jalan Ayer Pa'abas	2.34	Daerah Alor Gajah Mukim Ayer Pa'abas Kg. Ayer Pa'abas		235,772.70
	Jalan Permatang Tulang	1.50	Daerah Jasin Mukim Sebatu Kg. Permatang Tulang		179,890.08
	Jalan Umbai Bukit Tem- bakau	1.00	Daerah Jasin Mukim Umbai Kg. Bukit Tembakau		57,215.36
	Jalan Padang Temu	0.75	Daerah Melaka Tengah Mukim Ujung Pasir Kampong Padang Temu		28,431.65
	Jalan Lubok Redan	0.85	Daerah Alor Gajah Mukim Sg. Baru Ilir Kampong Lubok Redan		48,024.65
1965	Jalan Rembia Kampong Lendu	1.50	Daerah Alor Gajah Mukim Rembia Kampong Lendu		90,766.31
	Jalan Solok Paya Rumput/ Sungai Udang	1.79	Daerah Melaka Tengah Mukim Sg. Udang Kampong Paya Rumput		175,274.04
	Jalan Pengkalan Emak Umbai Phase I	2.66	Daerah Jasin Mukim Umbai Kg. Minyak Kg. Pulai		287,788.59
1967	Jalan Chin Chin Chenderah	1.60	Daerah Jasin Mukim Chin Chin Kampong Chenderah		208,595.85
	Jalan Bemban Gapam	2.87	Daerah Jasin Mukim Ayer Panas Kampong Gapam		203,127.64
	Jalan Lubok Redan-Main Road	1.80	Daerah Alor Gajah Mukim Sg. Baru Ilir Kampong Lubok Redan		269,795.82

Tahun	Jenis Ranchangan	Panjang-nya (Batu)	Tempat	Harga
1968	Jalan Pengkalan Semak Umbai-Phase II, Serkam Pantai	2.74	Daerah Jasin Mukim Sempang Kampung Tg. Pinang	\$244,870.03
	Jalan Bukit Tembakau Paya Dalam	2.00	Daerah Jasin Mukim Umbai Kg. Paya Dalam	286,621.89
	Jalan Chin Chin/Pengkalan	1.26	Daerah Jasin Mukim Chin Chin Kampung Pengkalan	129,380.20
	Jalan Kampong Ayer Hitam Ulu	1.00	Daerah Alor Gajah Mukim Sg. Baru Tengah Kampung Ayer Hitam	65,305.55
	Jalan Parit Penghulu	2.00	Daerah Jasin Mukim Sg. Rambai Kg. Parit Penghulu	149,546.76
	Jalan Pulau Sebang Kuala Ina	0.50	Daerah Alor Gajah Mukim Pulau Sebang Kampung Kuala Ina	58,887.01
	Jalan Gadek Kemuning ka- Kampung Ulu Gadek	0.20	Daerah Alor Gajah Mukim Gadek Kampung Ulu Gadek	89,213.60
	Jalan Melaka Pindah Kam- pong	1.00	Daerah Alor Gajah Mukim Melaka Pindah Kampung Beringin	36,000.00
	Jalan Solok Bukit Senggeh	0.50	Daerah Jasin Mukim Bukit Senggeh	18,000.00
	Jalan Batu Berendam Ayer Keroh	1.75	Daerah Melaka Tengah	52,000.00

Bekalan Ayer:

Kerajaan Negeri telah menyelenggarakan sa-banyak 9 projek bekalan ayer mulai tahun 1961. Tujuan utama ranchangan ini ia-lah untuk memberi kemudahan2 kepada ra'ayat di-luar bandar untuk mendapatkan bekalan ayer paip dan dengan itu meninggikan darjah kesihatan penduduk2 luar bandar.

Bekalan Ayer dari Sungai Muar:

Untuk mendapatkan bekalan ayer yang chukup bagi penduduk2 Negeri Melaka, Kerajaan Negeri ada-lah menchadang untuk melaksanakan satu ranchangan bekalan ayer yang terbesar pada tahun 1975. Ranchangan ini yang di-jangka menelan belanja sa-banyak \$25,000.000/- juta akan mengambil bekalan ayer dari Sungai Muar. Ranchangan ini maseh lagi dalam penyiasatan oleh Jurutera Perunding. Sabagai permulaan Kerajaan Negeri telah pun menguntokkan wang sa-banyak \$50,000/- pada tahun 1968 bagi menjalankan kerja2 yang perlu.

PARIT DAN TALIAYER

Kemajuan yang telah di-chapai oleh Jabatan Parit dan Taliayer Melaka dalam pelaksanaan ranchangan2 parit dan taliayer merupakan satu kejayaan yang besar. Dengan usaha2 yang telah di-lipat gandakan dalam bidang pembangunan, beribu2 ekar lagi tanah2 telah dapat di-pulehkan untuk maksud pertanian.

Pelaksanaan Ranchangan2 Parit:

Negeri Melaka ia-lah satu2 negeri dalam Malaysia Barat yang lebuh maju dalam bidang pertanian. Sahingga tahun 1960, kawasan2 yang masih kurang maju ada-lah terletak di-tepi pantai dari sempadan Johor di-sebelah Timor ka-sempadan Negeri Sembilan di-sabelah Barat. Pada amnya, keadaan kawasan2 tersebut ada-lah rendah dan sentiasa di-banjir ayer dan di-masokki oleh ayer masin dari laut. Usaha2 untuk mengerjakan tanah2 di-kawasan2 itu sentiasa gagal tetapi di-mana tanaman2 dapat di-jayakan, hasil2 ada-lah kurang. Beribu2 ekar tanah telah tidak dapat di-majukan langsung. Dengan pelancharan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar di-bawah Ranchangan Lima Tahun Kedua dan Ranchangan Malaysia yang pertama keazaman Kerajaan untuk membaiki ekonomi keadaan tanah itu dapat di-pulehkan. Di-antara 1960 hingga 1968 enam buah ranchangan parit yang meliputi kira2 27,000 ekar tanah telah dilaksanakan dengan perbelanjaan kira2 3.8 juta ringgit yang di-biayai oleh Kerajaan Pusat. Butir2 ranchangan tersebut ada-lah saperti yang berikut:-

Tun Razak merasmikan pembukaan ranchangan Parit dan Taliayer di-Paya Dalam, Melaka Tengah.





Ampangan Ayer di-Kampung Alai, Melaka Tengah.

Ranchangan	Daerah	Luasnya	Perbelanja-an	Tahun Perlaksana-an	Tahun di-siapkan
Ranchangan Parit Merlimau	Jasin	12,000 ekar (getah, kelapa dan kampung)	\$1,500,000/-	1960	1964
Ranchangan Parit Tanjung Minyak	Melaka Tengah	3,000 ekar (getah, kampong dan bakal tanah baru)	650,000/-	1962	1965
Ranchangan Parit Paya Dalam	Melaka Tengah/ Jasin	4,000 ekar (getah, kampong dan bakal tanah baru)	570,000/-	1963	1965
Ranchangan Parit Kuala Linggi/K. Sg. Baru	Alor Gajah	3,300 ekar (bakal tanah baru)	450,000/-	1966	1968
Ranchangan Parit Padang Temu/Alai	Melaka Tengah	4,500 ekar (kelapa, getah dan bakal tanah baru)	590,000/-	1966	1969
Ranchangan Parit Umbai/Serkam	Jasin	400 ekar (sawah)	60,000/-	1967	1968

Ranchangan2 Taliayer kechil

Beberapa ranchangan taliayer kechil juga telah di-bina untuk memperbaiki kemudahan bekalan ayer kapada sawah2 di-seluruh negeri. Butir2 berkenaan ranchangan2 itu ada-lah saperti berikut:-

Ranchangan	Daerah	Luas-nya	Perbelanjaan	Tahun	Tahun
			Perlaksanaan	di-siapkan	
Ranchangan Taliayer Tangga Batu	Melaka Tengah	800 ekar	\$120,000/-	1964	1964
Ranchangan Taliayer Ayer Panas	Jasin	500 ekar	\$175,000/-	1965	1966
Ranchangan Taliayer Selandar	Jasin	350 ekar	\$270,000/-	1964	1965
Ranchangan Taliayer Kemengkang	Jasin	60 ekar	\$ 42,400/-	1965	1965
Ranchangan Taliayer Rembia	Alor Gajah	120 ekar	\$ 57,000/-	1965	1965
Jumlah		1,830 ekar	\$664,400/-		

Pembersehan Sungai bagi Tahun 1961 sampai 1967

31 batang sungai dengan jumlah panjang-nya 356 batu telah di-bersehikan dengan belanja sa-jumlah \$563,204.00 dengan tujuan untuk mengurangkan banjir di-kampung2 dan tanah2 pertanian.

TAHUN	DAERAH	PANJANG SUNGAI (RANTAI)	HARGA
1961	MELAKA TENGAH	1357 rantai	\$ 9,902.00
1962		1473 ..	\$23,370.00
1963		1207 ..	\$25,186.00
1964		1467 ..	\$20,936.00
1965		1037 ..	\$26,198.00
1966		2652 ..	\$25,001.00
1967		1602 ..	\$31,487.00
JASIN			
1961		846 ..	\$15,421.00
1962		1729 ..	\$28,507.00
1963		2411 ..	\$33,664.00
1964		1444 ..	\$22,497.00
1965		1639 ..	\$28,354.00
1966		1986 ..	\$24,894.00
1967		1294 ..	\$21,580.00
ALOR GAJAH			
1961		28 ..	\$13,989.00
1962		1084 ..	\$33,105.00
1963		1184 ..	\$39,854.00
1964		2825 ..	\$67,258.00
1965		2640 ..	\$45,980.00
1966		339 ..	\$ 9,555.00
1967		1318 ..	\$16,614.00



▲ Tun Razak sedang berucap merasmikan pembukaan Ranchangan Parit dan Taliayer.



▼ Diiringi oleh Pegawai2 Kerajaan, Tun Razak dan Ketua Menteri tiba untuk pembukaan rasmi Ranchangan Parit dan Taliayer. Alai.

▼ Pemandangan di-Ranchangan Parit Paya Dalam semasa pembukaan rasmi oleh Tun Razak.



PELAJARAN DEWASA

Pelajaran Dewasa telah di-lancharkan oleh Kerajaan mulai 1.6.61 Pelajaran Dewasa di-lancharkan dengan tujuan:-

- (a) Membasmi buta huruf
- (b) Meluaskan Penggunaan Bahasa Kebangsaan
- (c) Menambahkan sikap dan pandangan hidup Raayat supaya berusaha bagi memajukan ekonomi sendiri.
- (d) Membina perasaan Kebangsaan dan perpaduan antara kaum.

Salama 7 tahun Ranchangan Pelajaran Dewasa di-lancharkan di-Negeri Melaka ini saramai 28,972 orang (termasuk orang2 asli dan bukan Melayu) telah mendaftarkan diri belajar di-Kelas2 Dewasa yang di-buka merata solok dan kampong bertempat di-Balai2 Raya, Sekolah, Madrasah, Surau, Pondok Gotong Royong, dan rumah2 orang. Mereka itu di-ajar menulis, membacha, mengira, pelajaran ugama dan pelajaran ekonomi rumah tangga.



Sa-buah kelas Dewasa bagi orang2 asli di-Lubok Bandong, Melaka.

Pelajar2 kelas Ekonomi Rumah Tangga memerhatikan sa-orang; guru membuat kueh.

Orang2 dewasa yang buta huruf sedang belajar membaca di-sabuah kelas belajar rumi.



HAIWAN

Jabatan Haiwan, Melaka telah melaksanakan berbagai2 rancangan ternakan dan pembinaan Pejabat2 Haiwan yang tersebut di-bawah ini semenjak tahun 1961—1968:

- (a) Rancangan Menternak Kerbau
- (b) Rancangan Menternak Lembu
- (c) Rancangan Menternak Babi
- (d) Rancangan Menternak Kambing dan Kambing Biri2
- (e) Rancangan Menternak Ayam
- (f) Rancangan Memelihara Lembu di-Pulau Besar dan
- (g) Pembinaan Pejabat2 Haiwan di-Negeri Melaka—Alor Gajah, Jasin, Masjid Tanah, Merlimau & Ayer Keroh, dan Ladang Ternakan dan Latchan Urusan Haiwan di-Ayer Keroh.

untuk menolong dan meninggikan taraf hidup ra'ayat dan dalam pada itu juga untuk mencapai kechukopan sendiri dalam bekalan daging, susu dan telor.

Rancangan Menternak Kerbau:-

Rancangan menternak kerbau ada-lah di-jalankan separa pawah dengan jalan membuat perjanjian di-antara Kerajaan dengan penternak-nya, dalam mana penternak itu di-beri sa-ekor kerbau betina untuk membantu membajak sawah-nya. Penternak itu di-kehendakki memelihara dan menjaga kerbau itu dengan memuaskan sahingga sampai masa-nya apabila ia dapat memulangkan kapada Kerajaan sa-ekor anak kerbau betina atau jantan yang berumur 2 tahun 9 bulan yang di-lahirkan oleh kerbau betina-nya itu. Kerbau betina yang asal itu akan menjadi milek-nya.

Rancangan Menternak Lembu:

Rancangan menternak lembu itu ada-lah di-jalankan mengikut perjanjian seperti rancangan kerbau juga tetapi pembahagian-nya di-buat separa kumpulan 10 ekor dan lebih bagi satu2 rancangan.

Kerajaan juga menggalakkan berternak kambing di-kawasan2 luar bandar.

10 ekor lembu yang di-serahkan kapada penduduk2 kampung.



Lembu2 di-ladang ternakan Urusan Haiwan, Ayer Kroh.



Ranchangan Menternak Babi:

Ranchangan menternak babi juga di-jalankan separa pawah seperti ranchangan2 kerbau dan lembu dengan mengikat perjanjian. Dalam ranchangan menternak babi, penternak di-beri bantuan sa-banyak \$75/- sa-orang untuk membantu-nya membuat kandang babi mengikut pelan dan kehendak2 yang di-sharatkan oleh Jabatan Haiwan. Sa-orang penternak di-beri 5 ekor anak babi. Penternak itu di-kehendakki membela anak2 babi itu atas perbelanjaan-nya sendiri dan apabila anak2 babi itu sampai masa-nya boleh di-jual, penternak itu di-benarkan menjual 3 daripada 5 ekor babi dan menternak dua ekor bagi ternakan-nya. Penternak itu di-kehendakki memulangkan kapada Jabatan Haiwan 5 ekor babi betina di-bawah ranchangan.

Ranchangan menternak Kambing dan Kambing Biri2:

Ranchangan2 menternak kambing dan kambing biri2 ada-lah di-jalankan juga separa pawah dengan mengikat perjanjian. Tiap2 satu ranchangan itu terdiri daripada 5 hingga 10 orang peserta. Sa-saorang peserta di-beri 5 ekor kambing atau kambing biri2 dan di-kehendakki memulangkan kapada Kerajaan 5 ekor kambing atau kambing biri2 betina yang berumur 9 bulan. Kambing atau kambing biri2 betina yang asal akan menjadi milek peserta2.

Ranchangan menternak Ayam:

Ranchangan menternak ayam ada-lah di-jalankan sechara kerjasama. Tiap2 ranchangan ada-lah mengandungi 10 orang peserta yang di-beri bantuan sa-banyak \$1,500/- bagi satu2 ranchangan. Peserta2 itu di-kehendakki membuat reban ayam mengikut pelan dan kehendak2 yang di-sharatkan oleh Jabatan Haiwan. Pemberian bantuan \$1,500/- kapada satu2 ranchangan ada-lah bantuan terus. Tidak saperti ranchangan2 kerbau, lembu, babi, kambing dan kambing biri2, peserta2 ranchangan menternak ayam ini tidak di-kehendakki memulangkan kapada Keraaan apa2 pun berhubung dengan ranchangan ini.

Ranchangan menternak Lembu di-Pulau Besar:

Kerajaan Negeri Melaka telah menjalankan suatu projek untuk memelihara lembu sechara besar2an di-Pulau Besar. Ranchangan ini ada-lah bertujuan untuk membekalkan daging2 di-pasar2 di-Melaka supaya dapat di-beli dengan harga yang murah. Ranchangan ini telah pun di-mulakan pada 16hb April, 1968 dan sedang berjalan dengan lancar.

Ranchangan memelihara lembu2 untuk mengeluarkan susu:

Ranchangan2 permulaan untuk memelihara lembu2 jenis kachokan untuk mengeluarkan susu akan di-jalankan serentak di-Pulau Besar. Suatu pusat memelihara lembu2 ini telah pun di-ranchangkan di-Ayer Kroh dan di-jangka bermula pada tahun 1973.

Kemajuan2:

Ranchangan Menternak Kerbau Tahun 1961—1967

Peruntukan	Perbelanjaan	Bilangan Ternakan yang di-bagikan	Bilangan Keluarga yang berfaedah
------------	--------------	-----------------------------------	----------------------------------

\$100,000/-	\$ 87,257.85	373	373
-------------	--------------	-----	-----

Ranchangan Menternak Lembu Tahun 1961—1967

\$125,000/-	\$122,208.00	525	525
-------------	--------------	-----	-----

Ranchangan Menternak Babi Tahun 1961—1967

\$ 60,000/-	\$ 35,895.00	955	191
-------------	--------------	-----	-----

Ranchangan Menternak Kambing & Kambing Biri2 Tahun 1961—1967

\$ 55,000/-	\$ 51,957.12	1,910	382
-------------	--------------	-------	-----

Ranchangan Menternak Ayam Tahun 1961—1967

\$ 96,000/-	\$ 92,103.98	40,200	1,480
-------------	--------------	--------	-------

Ranchangan Memelihara Lembu di-Pulau Besar Tahun 1968

\$156,800/-	\$ 82,512.75	—	—
-------------	--------------	---	---

Berternak ayam di-kawasan luar bandar di-galakkan oleh Kerajaan.



Kegiatan2 untuk menggalla dan memajukan urusan2 haiwan:


**Pembinaaan Pejabat2 Haiwan di-Negeri Melaka
Tahun 1962—1966**

<i>Tahun</i>	<i>Daerah</i>	<i>Perbelanjaan</i>	<i>Pembinaaan</i>
1962	Alor Gajah	\$ 35,000.00	Sa-buah Pejabat dan sa-buah Rumah Tinggal Kelas "F".
	Melaka Tengah	\$ 80,000.00	Reban2 ayam.
1963	Melaka Tengah	\$ 14,000.00	4 yunit Rumah Tinggal Kelas "H"
	Melaka Tengah	\$ 17,930.00	Kandang2 lembu dan kambing
	Alor Gajah	\$ 79,000.00	Sa-buah Pejabat dan sa-buah Rumah Tinggal Kelas "D", sa-buah Rumah Tinggal Kelas "F" dan 2 rumah Tinggal Kelas "H".
	Jasin	\$ 79,000.00	Sa-buah Pejabat, sa-buah Rumah Tinggal Kelas "D", sa-buah Rumah Tinggal Kelas "F" dan 2 rumah Tinggal Kelas "H".
	Jasin	\$ 40,000.00	Sa-buah Pejabat, sa-buah Rumah Tinggal Kelas "F" dan sa-buah Rumah Tinggal Kelas "H".
1964	Melaka Tengah	\$ 90,000.00	Sa-buah Pejabat, sa-buah Asrama, Sa-buah setal kereta dan kandang2 babi.
	Melaka Tengah	\$ 15,700.00	Sa-buah Rumah Tinggal Kelas "E"
1965	Melaka Tengah	\$ 11,964.00	12 yunit kandang2 babi.
1966	Melaka Tengah	\$211,705.00	Sa-buah Ibu Pejabat untuk Jabatan Haiwan Negeri Melaka—\$132,900.00 Sa-buah Rumah Tinggal Kelas "E", 2 buah Rumah Tinggal Kelas "F" dan 2 buah Rumah Tinggal Kelas "G"—\$38,805.00 2 buah Rumah Tinggal Kelas "G" dan 2 buah Rumah Tinggal Kelas "H"—\$40,006.00.



- ▲ Penerima2 lembu di-bawah Ranchangan Pawah bergambar dengan Ketua Menteri dan Setia Usaha Kerajaan Negeri.
- Pemandangan babi2 di-bawah Ranchangan menternak babi2.
- ▼ Ketua Menteri Melaka menyerahkan lembu di-bawah Ranchangan Pawah.





BEKALAN LETRIK

Ranchangan bekalan letrik ada-lah mendapat keutamaan dalam bidang projek pembangunan di-Negeri ini. Semenjak tahun 1961 peruntukan sa-banyak \$2,563,955/- telah dilanjutkan bagi bekalan letrik ka-kampong2 dan kampong2 baru, sa-banyak 76 buah kampong dengan penduduk2 berjumlah 37,746 telah mendapat faedah. Kerajaan Negeri ada-lah menyediakan peruntukan bagi ranchangan ini pada tiap2 tahun.

Kawasan	Daerah
Pantai Kundor	Melaka Tengah
Bukit Rambai	Melaka Tengah
Solok Bukit Baru	Melaka Tengah
Solok Bukit Darat	Melaka Tengah
Kampong Pinang	Melaka Tengah
Berisu Road, Masjid Tanah	Alor Gajah
Lower Masjid Tanah	Alor Gajah
Kelemak	Alor Gajah
Paya Ikan, Bukit Baru	Melaka Tengah
Bukit Gedong	Melaka Tengah
Pekan Bukit Rambai	Melaka Tengah
Pekan Bertam Ulu	Melaka Tengah
Pekan Bertam Malim	Melaka Tengah
Kampong Lorong Pandan	Melaka Tengah
Ayer Limau	Alor Gajah
Pekan Merlimau	Jasin
Semabok, Kandang, Telok Mas & Umbai	Melaka Tengah & Jasin
Alor Gajah, Jalan Tampin	Alor Gajah
Kampong Baru Pondok Batang	Jasin
Kampong Baru Parit Keliling	Jasin
Kampong Paya Lobok	Melaka Tengah
Taboh Naning	Alor Gajah
Kampong Baru Lendu	Alor Gajah
Machap Baru	Alor Gajah
Machap Umboo	Alor Gajah
Kampong Gangsa, Durian Tunggal	Alor Gajah

Kawasan	Daerah
Bukit Tempayan, Tangga Batu	Melaka Tengah
Pantai Kundor, Tanah Merah	Melaka Tengah
Kampong Bukit Katil	Melaka Tengah
Kampong Cheng	Melaka Tengah
Padang Temu	Melaka Tengah
Solok Pengkalan Batu	Melaka Tengah
Kampong Paya Rumput	Alor Gajah
Kampong Tanjong Rimau	Alor Gajah
Kampong Serkam	Jasin
Bukit Tembakau	Jasin
Solok Bukit Piatu	Melaka Tengah
Pengkalan Lanjut Lereh	Melaka Tengah
Solok Bukit Rambai No. 1	Melaka Tengah
Ayer Molok	Melaka Tengah
Kampong Tengah, Jalan Tanjong Minyak	Melaka Tengah
Bukit Beringin & Londang	Alor Gajah
Jalan Setulang Daing, Bkt. Rambai	Melaka Tengah
Klinik Kuala Sungga	Alor Gajah
Berangan Enam	Jasin
Tedong	Jasin
Batu 19½, Jalan Rim	Jasin
Solok Sarang Helang, Bachang	Melaka Tengah
Solok Bukit Rambai No. 2	Melaka Tengah
Kampong Kelongkong, Tg. Kling	Melaka Tengah
Solok Bukit Baru Dalam	Melaka Tengah
Pantai Rombang, Jalan Pantai Kundor	Melaka Tengah
Solok Bukit Rambai, Batu 8	Melaka Tengah
Jalan Raya, Duyong, Bt. Katil	Melaka Tengah
S. Paya Mengkuang I Bt. Rambai	Melaka Tengah
Kampong Solok Gaong	Melaka Tengah
Jalan Hang Tuah, Duyong	Melaka Tengah
Kampong Pinang A	Melaka Tengah
Kesang Tua	Jasin
Kampong Ayer Perah	Jasin
Parit Melintang/Ayer Tarawar	Jasin
Jalan Kelubi	Jasin
Solok Bukit Beruang	Melaka Tengah
Kg. Pengkalan Minyak	Melaka Tengah
Kg. Solok Musai	Melaka Tengah
Kg. Brak	Melaka Tengah
Kg. Pasir Puteh	Melaka Tengah
Kg. Tanjung Minyak	Melaka Tengah
Paya Rumput (Jalan Port Dickson)	Alor Gajah
Paya Datok Pa' Abas	Alor Gajah
Kuala Sungai Baru	Alor Gajah
Pengkalan Balak	Alor Gajah
Paya Mengkuang	Alor Gajah
Kg. Durian Daun	Alor Gajah
Kg. Sungai Petai	Alor Gajah
Kg. Terentang, Chin Chin	Jasin



▲ Setesen Janaletrik Tanjung Kling, Melaka.

◀ Memasang kawat jetrik di-bawah tanah untuk memberi bekalan di-Kg. Paya Mengkuang, Kg. Pengkalan Minyak dan Kuala Sg. Baru.

PERIKANAN

Perusahaan menangkap ikan di-Melaka telah mula meningkat maju. Di-antara bot2 yang telah di-lesenkan dalam tahun 1967 sa-banyak kira2 80% bot2 itu telah di-lengkapkan dengan jentera bagi penangkapan ikan di-tengah2 lautan. Chara menggunakan jentera tidak sahaja me-nolong nelayan2 itu dapat belayar pergi dan balek daripada kawasan2 penangkapan ikan-nya, tetapi juga menyenangkan nelayan2 pergi ka-kawasan2 perayeran yang lain. Dengan chara yang demikian, nelayan2 itu dapat menambahkan hasil2 penangkapan mereka.

Kerajaan Pusat dan Negeri memberi bantuan kapada nelayan2 bagi membaiki kedudukan ekonomi mereka.

Kemajuan2::


Ranchangan di-Kuala Linggi

Ranchangan ini telah di-biayai oleh Kerajaan Pusat dan Negeri dan telah siap pada akhir tahun 1961. Di-bawah Ranchangan iji sa-jumlah 174 orang nelayan di-Melaka telah menubohkan satu sharikat kerjasama dengan pengkalan-nya di-Kuala Linggi. Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama telah meminjamkan kapada sharikat ini wang sa-banyak \$300,000/- untuk membeli 38 unit jaring tenggiri, termasok bot2, jaring2 dan kelengkapan2-nya. Kerajaan Pusat telah membelanjakan \$70,200/- untuk membina sa-buah jeti dan sa-buah bangsal untuk mengumpulkan ikan lengkap dengan bilek sejok. Bagi kemudahan2 nelayan2, Kerajaan Negeri telah membina sa-banyak 82 buah rumah murah siap dengan jalan2 dengan perbelanjaan sa-banyak \$158,000/. Pembayaran rumah itu ada-la sa-chara beransor2 sa-lama 15 tahun.

Pada tahun 1967 Kerajaan Pusat telah meminjamkan sa-banyak \$70,000/- lagi kapada Sharikat Nelayan Kuala Linggi untuk membolehkan ahli2-nya membaiki bot2 mereka dan membeli jaring2 baru.

Tun berbangga dengan ikan yang di-tangkap-nya
dalam kolam ikan di-ranchangan L.K.T.P. Kemen-
dore

Peserta2 ranchangan tanah di-Kemandor kelihatan
riang gembira menjaring ikan bersama Tun Abdul
Razak dalam kolam ikan.





YAB Ketua Menteri, Dato' Haji Taib bin Karim beruchap ketika merasmikan pembukaan Kolam Ikan di-Sungei Udang Melaka.

Sharikat Henghwa

Sharikat ini, dengan ahli2-nya sa-ramai 235 orang nelayan telah mendapat satu pinjaman sa-banyak \$130,000/- dengan faedah 6% dalam tahun 1960 daripada Sharikat Kerjasama Polis bagi pembinaan sa-buah kilang ayer batu dengan kebolehan menghasilkan 15 tan ayer batu sa-hari.

Ranchangan Motobot Negeri

Dalam tahun 1967, Kerajaan Negeri telah membina 50 buah bot penangkap ikan yang telah di-pasangkan dengan jentera dengan harga sa-buah sa-banyak \$3,900/-. Motobott2 ini telah di-jualkan dengan chara bayaran ansor selama 5 tahun. Satu2 bot ada-lah di-punya oleh 2 orang nelayan yang berkongsi.

Perikanan Ayer Tawar

Satu daripada ranchangan2 yang telah di-jalankan oleh Jabatan Perikanan ia-lah untuk menggalakkan perusahaan perikanan ayer tawar di-kalangan petani2. Sa-hingga ini petani2 telah mula menunjukkan kechenderongan dalam perusahaan ini. Pada tahun 1967 sa-banyak 139 buah kolam ikan telah di-bena di atas tanah sa-luas 37.28 ekar.

Di-samping memberi anak2 ikan dengan perchuma, Jabatan Perikanan ada juga memberikan nasihat dan latehan2 mengenai chara2 menternak ikan. Petani2 yang terpilih ada-lah di-hantar berlatah di-Pusat Pembiaik Ikan Jabatan Perikanan di-Kuala Kangsar. Dalam usaha-nya untuk memperbaikkan ikan2 jenis ini, Jabatan ini juga melepaskan anak2 ikan ka-dalam sungai2 dan tasek2 dan lain2 perayaan untuk penangkapan umum. Jenis2 ikan ia-lah Lampam Jawa, Lee Koh, Tilapia, Kalui, dan Kap Perak. Bagi petani2 yang mempunyai kolam ikan yang tidak kurang daripada 22 ekar, Jabatan Pertanian ada-lah juga memberi bantuan barang2 kapada mereka seperti paip2, simen, kapor dan baja kimia untuk membina kolam ikan.

Tun Razak menyerahkan ikan dengan melepaskan-nya ke-dalam kolam ikan.



PERUSAHAAN GETAH MENANAM SEMULA

Negeri Melaka telah mencapai kejayaan dalam ranchangan menanam getah samula lebih daripada apa yang telah di-jadualkan. Mengikut banchi kebun2 kecil dalam Perangkaan 1952, jumlah keluasan bagi Negeri Melaka ia-lah 87,144 ekar. Tetapi dari semenjak mula2 Ranchangan Tanam Samula di-lancharkan pada 1.9.1952 hingga 31.12.67, sa-jumlah 89,950 $\frac{1}{2}$ ekar telah di-tanam samula dan yang menyertai dalam ranchangan itu berjumlah saramai 22,212 peserta. Dalam ranchangan ini bantuan wang sabanyak \$750.00 ada-lah di-beri sa-satu ekar. Pembayaran-nya ada-lah beransor2 sabanyak 4-7 kali selama 2 $\frac{1}{2}$ —5 $\frac{1}{2}$ tahun lepas tanam samula mengikut jenis2 tanaman yang di-tanam samula itu.

KEMAJUAN2 TANAM SAMULA DI-ANTARA TAHUN 1961 HINGGA 1967

	Peserta	Luas Ekar
Alor Gajah	3,671	13,425 $\frac{1}{2}$
Melaka Tengah	1,931	5,700 $\frac{1}{2}$
Jasin	2,946	12,356 $\frac{3}{4}$

Bantuan yang telah terlaksana di-keluarkan dalam masa 15 tahun (1.9.1952—31.12.1967) ada berjumlah \$56,293,192.89 merupakan wang tunai dan harga2 mata benda. Mata2 benda yang di-keluarkan itu ada-lah merupai beneh2 getah dan buahan2, perkakas2 pagar, rachun pokok dan rachun lalang.

Hingga sekarang sudah ada anggaran 64,000 ekar kebun2 tanam samula yang mengeluarkan hasil.



- ▲ Sa-bahagian daripada pokok2 getah chantum yang jaya di-tanam dan boleh di-toroh.
- ▶ Merumpun di-lorong2 pokok getah chantum.
- ▼ Pokok2 getah chantum yang jaya di-tanam dengan pokok2 kachang penutup bumi.



PERHUTANAN

HUTAN SIMPAN—Jumlah keluasan Hutan Simpan dalam Negeri Melaka pada tahun 1961 ia-lah 38,743 ekar. Dalam tahun 1961-65 seluas 6,741 ekar Hutan Simpan telah di-bubarkan dari Hutan Simpan (excised) untuk pelbagai projek pembangunan dan keluasan Hutan Simpan yang tinggal ia-lah seluas 33,002 ekar.

Dalam tahun 1966-67 satu kawasan Hutan Simpan seluas 521 ekar lagi telah di-bubarkan (excised) untuk melombong bijih-timah dan baki keluasan Hutan Simpan yang tinggal ia-lah seluas 31,491 ekar.

MENGURUS & SILBIKALCHA—Jabatan ini telah tidak mendapat apa2 peruntukan di-bawah Ranchangan Lima Tahun Kedua (1961-65) dan Ranchangan Malaysia Pertama (1966-70). Semua pekerjaan mengurus dan Silbikalcha telah di-jalankan di-bawah Anggaran Peruntukan "Lain2 Belanja Ulang Tahun". Pekerjaan yang di-buat ia-lah biasa, ia-itu keluasan Hutan Simpan yang di-buka untuk membalek pada tiap2 tahun dengan keluaras, yang sama juga di-buat pekerjaan rawatan supaya Hutan itu dapat meninggikan mutu-nya. Tanaman semula dengan jenis2 anak pokok2 yang bermutu tinggi juga di-jalankan terhadap hutan simpan yang musnah akibat dari tebangban yang ta'berkawal semasa perentah Jepon.

(a) **LADANG TANAMAN**—Perchubaan menanam semula dari jenis pokok yang bermutu seluas 2,206 telah di-jalankan sa-hingga tahun 1961 (seluas 2,206 ekar di-dalam Hutan2 Simpan yang musnah semasa permentah Jepon) telah di-tanamkan. Dalam tahun 1961-65 tiada tanaman berlakukan usaha2 hanya di-tumpukan kapada pemelihara Ladang2 Tanaman dengan menelan belanja sa-banyak \$97,020/64. (Tanaman itu di-dapat sangat memuaskan hati). Dalam tahun 1966-67 tanaman semula seluas 129 ekar lagi di-teruskan dengan perbelanjaan sa-banyak \$12,062.66. Penyenggaraan Hutan Ladang pula telah memakan belanja sa-banyak \$3,079.26.


(b) **SILBIKALCHA**—Untuk anak2 yang sedia tumboh, pekerja2 menggelang dan merachun pokok2 yang tidak bermutu telah di-jalankan seluas 1,160 ekar dari tahun 1961-65. Di- dalam tahun 1966-67 seluas 521 ekar lagi telah di-buat pekerjaan rawatan.

Kedudukan Kawasan2 Hutan Simpan yang telah di-pulih semula di-dalam Negeri Melaka ada-lah saperti berikut:-



◀ Sabahagian Anak Pokok Kapor daripada Hutan Ayer Panas yang telah di-tanam dua tahun dahulu.

▼ Gergaji pembelah otomatik yang moden.




Umur	(Tahun)	TAHUN dan LUAS EKAR				
		1961	—	1965	1966	—
0	—	10	4475	5169	5424	5690
10	—	20	5462	3494	4394	3494
20	—	30	3478	4794	4794	4794
30	—	40	—	1632	1632	1632
Jumlah Ekar		13,415	15,089	15,344	15,610	

Sa-bahagian Anak Pokok Meranti di-hutan Ayer Panas
telah di-tanam 9 tahun yang lalu. ►

Pada tahun 1961 jumlah Hutan Simpan yang telah di-puleh semula seluas 13,415 ekar atau 42.6% dari jumlah keluasan seluoh Hutan Simpan Negeri Melaka. Dalam tahun 1961-65 pula, seluas 1674 ekar Hutan Simpan lagi telah di-puleh semula dengan memakan belanja sa-banyak \$48,893.69 dan dengan jumlah ini menjadikan kawasan Hutan yang telah di-puleh semula 15,089 ekar atau 47.9%. Dalam tahun 1966-1967 pula, seluas 521 ekar Hutan Simpan lagi telah di-pulehkan dengan memakan belanja sa-banyak \$17,796.13 dan dengan jumlah ini menjadikan Hutan2 Simpan yang telah di-puleh semula sahingga akhir tahun 1967 ia-lah seluas 15,610 ekar atau 49.2% daripada jumlah keluasan seluoh Hutan Simpan Negeri Melaka.

(c) **URUSAN HUTAN**—Ranchangan Tebangan Hutan Negeri Melaka bagi tempoh 1955-64 telah tamat tempoh-nya dan Ranchangan seterus-nya bagi tempoh 1965-74 telah siap di-sediakan pada tahun 1966.

PENGUSAHASILAN—Kop Tahunan seluas 250 ekar sa-tahun sa-hingga tahun 1970 mengikut Atoran Tebangan Hutan telah di-untokkan oleh Majlis Meshuarat Kerajaan Negeri Melaka. Pada tahun 1967 dua kompatmen Hutan2 Bkt. Sedanan dan Ayer Panas yang berjumlah seluas 208 ekar hutan yang berumur 30 tahun ka atas telah di-buka untuk Tebang Jelang. Di-chadangkan dua kompatmen akan di-buka untuk Tebang Jelang bagi tiap2 tahun 1968-70.



KEBAJIKAN MASHARAKAT

Jabatan Kebajikan Masharakat ada-lah bertanggong jawab bagi menjalankan perkhidmatan2 saperti berikut:-

- (i) memberi perlindungan dan jagaan kapada kanak2 yang malang.
- (ii) pemulehan samula orang2 yang chachat anggota.
- (iii) menolong mencharikam pekerjaan bagi orang2 yang menganggor.
- (iv) pemulehan samula bagi budak2 dan belia2 yang telah melakukan kesalanjenayah.
- (v) bantuan kapada keluarga2 dan tanggongan orang2 tahanan dan banduan2.
- (vi) memberi nasihat dan panduan2 kapada keluarga2 bagi ketenteraman rumah tangga.

Bantuan2 ada-lah di-beri kapada orang2 itu mengikut kaedah dan chara2 yang membolehkan mereka itu untuk menolong dan berdiri di atas kaki sendiri. Lain2 bantuan yang di-beri ada-lah merupakan langkah pemulehan untuk meyakinkan mereka kapada kebolehan dan bakat diri mereka sendiri.

Bantuan 'Am

Kerajaan2 Negeri dan Persekutuan ada-lah memberikan sumbangan terhadap menolong kanak2 yang miskin, orang2 chachat chedera dan mangsa2 malapetaka. Bantuan2 ada-lah juga di-beri oleh Pertubuhan Kebajikan saperti Majlis Pusat Kebajikan Malaya, Majlis Kebajikan Kanak2 Malaysia, Persatuan Orang2 Buta Sa-Malaya dan Persatuan Penyakit Kusta Sa-Malaya (MALRA).

Di-Melaka, Jabatan Kebajikan Masharakat ada-lah juga memberi bantuan kapada murid2 miskin dan yatim yang perlukan pertolongan untuk membeli buku2, pembayaran yuran sekolah, alat kelengkapan sekolah dan tambang bas.

Salain daripada bantuan2 wang ringgit, Jabatan ini memberi barang2 keperluan saperti susu kapada kanak2, kain baju, gebar, tikar, pil2 vitamin dan lain2 lagi.

Bantuan Akibat Konfrantasi Indonesia

Dalam tahun 1963—1965 sawaktu berlaku-nya konfrantasi dengan Indonesia, Jabatan ini telah memberi bantuan2 kapada nelayan2 yang telah terganggu mata pencharian mereka disebabkan konfrantasi itu.

Perkhidmatan Kebajikan Orang2 Tua.

Di-Melaka ada 6 buah Rumah Kebajikan Orang2 tua sukarela di-mana orang2 tua yang tidak mempunyai rumah, pekerjaan dan saudaramara di-tempatkan:-

- i. Rumah Kebajikan Orang2 Tua Ayer Salak
- ii. Rumah Kebajikan Orang2 Tua Lendu
- iii. Rumah Kebajikan Orang2 Tua Machap Baru
- iv. Rumah Kebajikan Orang Tua Merlimau
- v. Rumah Kebajikan Orang2 Tua Pondok Batang
- vi. Rumah Kebajikan Orang2 Tua Parit Keliling

Sa-orang kanak2 Mohd. bin Mohd. Yassin dari Mata Kuching, di-Pusat Kanak2 Chachat dan Chedera di-Tg. Kling gembira menemui pelawat di-Raja, DYMM. Raja Permaisuri Agong dan Toh Puan Fatimah serta 3 orang isteri Ketua Menteri dan Menteri2 Persekutuan.



Perkhidmatan Chachat Chedera

Sat i perkhidmatan khas telah di-selenggarakan di-Melaka bagi menolong orang2 yang chachat, seperti buta, bisu, chachat anggota dan lemah akal fikiran. Tujuan perkhidmatan ini ada-lah untuk menempatkan mereka itu dalam pergaolan masharakat yang sesuai dengan keku-rangan mereka yang tertentu. Hingga akhir tahun 1967 saramai 522 orang2 telah di-daftarkan sebagai buta, chachat anggota, pecak, bisu dan lemah otak.

Orang2 yang chachat itu di-beri ker adahan2 tempat tinggal, rawatan, latehan dan pelajaran. Elaun di-beri kapada orang2 buta yang boleh membuat pekerjaan yang menguntungkan. Elaun ini bertujuan untuk menokok pendapatan orang2 buta. Dalam tahun 1967 satu ranchangan pemulchan bagi faedah dan kebajikan orang2 buta telah di-ujudkan di-mana 4 orang buta yang telah di-beri latehan membuat bakul2, pungkis, bidai dan lain2 benda rotan di-tempatkan di-sini untuk menjalankan usaha2 yang tersebut. Hasil2 perbuatan mereka itu di-jual di-gudang2, ladang2 getah dan Pejabat2 Kerajaan.

Perkhidmatan Kebajikan Kanak2

Kanak2 yang mlarat dan yatim ada-lah di-masukkan ka-rumah2 kebajikan untuk di-jadikan anak2 angkat mengikut Undang2 Pendaftaran dan penyeliaan anak2 angkat. Bagi kanak2 yang tidak mendapat tempat di-yayasan tersebut, Jabatan Kebajikan Masharakat ada-lah mem-berikan imbohan kapada mereka. Perkhidmatan ini telah pun berjalan dengan sempurna-nya. Jabatan ini ada-lah juga memberi nasihat2 kapada bakal2 ibu bapa kapada anak2 angkat itu.

Perkhidmatan Perlindongan Gadis2 dan Wanita.

Perkhidmatan ini ada-lah di-jalankan untuk memperlindungi anak2 gadis dan wanita da-ri pada perbuatan2 ma'siat dan hina. Mereka yang di-dapati salah di-bawah undang2 ini di-masukkan di-Sekolah Perempuan Sg. Lereh.

Perkhidmatan Menjaga Akhlak

Tujuan perkhidmatan ini ia-lah untuk menghindarkan kelakuan2 burok yang biasa ter-dapat di-kalangan kanak2 yang 7 tahun ka-atas hingga 17 tahun. Perkhidmatan ini ada-lah untuk membentuk samula perangai dan kelakuan kanak2 dan juga membaiki akhlak mereka.

Perkhidmatan Pemulehan Pengemis

Ada-lah dasar Kerajaan untuk membasmikan pengemis2 dari berkeliaran di-bandar Melaka. Satu yayasan khas untuk menempatkan pengemis2 bernama Pusat Pemulehan Ayer Kroh telah di-bena pada awal tahun 1963. Jabatan Kebajikan Masharakat dengan kerjasama Jabatan Polis telah menjalankan serbuan2 ka-atas pengemis2 dari masa ka-masa.



Kanak2 Rumah Jubilee sedang membuat kerja di-bengkel pertukangan kayu mereka.

Perkhidmatan Belia

Samenjak tahun 1953 Jabatan ini telah di-beri tanggong jawab untuk menolong dan menggalakkan pertubuhan2 persatuan2 belia di-bandar2 dan luar bandar. Pada akhir tahun 1967 sabanya 64 kelab2 belia telah di-tubuhkan di-Negeri Melaka. 61 buah daripada-nya ada-lah di-luar2 bandar. Kelab2 Belia itu mempunyai ahli saramai 3,961 orang belia2.

Pentadbiran Wang Amanah

Jabatan ini ada-lah juga mentadbirkan wang amanah atau wang pesaka bagi faedah dan kebajikan kanak dan balu2 yang tidak berkemampuan menguruskan wang2 itu dengan sendiri-nya. Wang yang di-kelolakan itu ada-lah berkaitan dengan :-

- (a) wang pampasan pekerja yang di-beri kapada tanggongan pekerja2 yang telah mati, dan pekerja2 yang terchedera dalam masa menjalankan pekerjaan.
- (b) wang baksis atau sagu hati kapada tanggongan si-mati yang telah berkhidmat dengan Kerajaan.
- (c) wang derma daripada orang ramai.

Rumah2 Kebajikan dan Yayasan

Jabatan ini bertanggong jawab untuk mengelolakan pentadbiran 6 buah yayasan2 di-bawah ini:-

- i. Rumah Orang2 Tua Melaka — untuk orang2 tua yang dhaif dan juga untuk pengemis2.
- ii. Rumah Budak Laki2 Melaka — untuk budak laki2 yang dhaif dan yatim dan di-bawah Undang2 Kanak2 & Orang2 Muda, dan Undang Mahkamah Kanak2.
- iii. Rumah Kanak2 Kechil Melaka — untuk kanak2 laki2 dan perempuan di-bawah umur 3 tahun mengikut Undang2 Kanak2 & Orang2 Muda, dan kanak2 yang dhaif dan yatim, juga kanak2 ibu-bapa-nya sakit dan tidak mampu menjaga anak mereka.
- iv. Sekolah Perempuan Sg. Lereh — untuk budak2 perempuan dari 10-17 tahun yang di-hukum oleh Mahkamah di-bawah Undang Mahkamah Kanak2.
- v. Asrama Bukit Bahru — untuk budak laki2 dari 10-17 tahun mengikut Undang2 Mahkamah Kanak2.
- vi. Pusat Pemulehan Ayer Kroh — untuk pengemis2 dan kutu-rayau2 di-bawah Undang Vagrants Act 1965.
- vii. Pusat Kerja Bukit Bahru — di-situ orang2 terdiri daripada orang2 tua yang miskin dan tidak mempunyai rumah tangga di-beri tempat kediaman dan elauan pada tiap2 bulan untuk sara hidup mereka.



▲ T.Y.T. Gabnor Melaka, Tun Haji Abdul Malek bin Yusuf, SMN, DMK kelihatan ashok berbual dengan saorang kanak2 chachat.

► Orang2 tua di-Rumah bagi orang tua, Durian Daun, sedang menganyam baskul.



KEMAJUAN KERJASAMA

Ada-lah dasar Jabatan Kemajuan Kerjasama:-

- (i) Untuk memupok semangat dan perangai ingin berjimat chermat di-kalangan ra'-ayat di-negeri ini.
- (ii) Menggalakkan raayat supaya mengumpulkan modal melalui wang2 simpanan mereka dalam sharikat2 bagi urusan perniagaan.
- (iii) Menchari pasaran bagi barang2 perusahaan kecil dan dengan demikian menjamin pendapatan raayat serta menghapuskan orang tengah.

SHARIKAT KERJASAMA PINJAM MEMINJAM

Perkembangan Sharikat Kerjasama di-Melaka dalam tempoh sa-puloh tahun yang lalu ada-lah sangat memuaskan. Dalam 1968 sa-banyak 152 buah sharikat yang telah berdaftar, dengan ahli seramai 18,350 dan modal sabanyak \$4.5 juta. Sharikat2 yang kecil telah di-tutup atau di-satukan menjadi beberapa sharikat serbaguna supaya boleh kokoh dan tegap dan betul dapat memberi perkhidmatan kapada ahli2-nya.

Sharikat jenis ini berjumlah 86 buah dengan ahli2-nya saramai 4,964 orang dan modal sabanyak \$268,556/-, sharikat itu ada-lah memberi kemudahan2 kapada ahli2-nya untuk meminjam wang bagi perbelanjaan musim ka-sawah, membeli baja, menebus dan membeli tanah buah rumah dan lain2.

SHARIKAT KERJASAMA KILANG PADI DAN PERSATUAN-NYA

Sharikat jenis ini ada-lah yang paling maju sekali dan mempunyai chawangan di-merata daerah dan kilang2 bergerak. Sharikat ini mempunyai modal sabanyak \$87,000/- dan memilekki harta yang berjumlah \$384, 824/-. Sa-lain daripada memberi perkhidmatan mengisar padi kapada ahli2-nya, sharikat2 ini juga membeli padi dan mengisar-nya untuk di-jual. Langkah2 sedang di-ambil untuk menjadikan sharikat ini sharikat jenis serbaguna.

Sharikat ini mempunyai persatuan sendiri dengan nama Persatuan Sharikat2 Kerjasama Kilang Padi Negeri Melaka, beribu Pejabat di-Batu Berendam. Dengan wang pinjaman dari Kerajaan Pusat berjumlah lebuh dari 1 juta ringgit, Persatuan ini telah mendirikan beberapa kilang2 dan gudang2 yang besar. Padi2 yang di-beli dan di-kisar di-kilang2 ini telah di-jual kapada gudang2 Kerajaan dan pemborong2.

SHARIKAT KERJASAMA
BECHA RODA TIGA BERHAD



Beberapa buah becha Sharikat Kerjasama Becha Roda Tiga Berhad di-Melaka.



▲ Sa-bahagian daripada kereta2 sewa Sharikat Kendaraan Melayu Melaka.



◀ Sa-buah daripada Sharikat Kerjasama Perikanan di-Melaka.



Sa-buah daripada Sharikat Kilang Padi dalam Negeri Melaka.

SHARIKAT KERJASAMA KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN

Di-Melaka ada 4 buah sharikat ini. Di-antara-nya Sharikat Kerjasama Kenderaan Melayu Melaka telah menunjukkan kemajuan2. Ia-nya di-tubohkan dalam tahun 1961 dan sekarang mempunyai ahli saramai 383 orang dan modal sabanyak \$170,000/. Sharikat ini mempunyai 61 buah teksi serta bengkel (wokshop) sendiri. Dalam tahun 1967 hampir \$400,000.00 sewa telah di-kutip dan \$180,000.00 sebagai upah membaiki kereta dan jualan barang2 spare. Sharikat ini telah memberi pekerjaan2 dan latehan kapada pemuda2 dalam membaiki kereta dan injin.

Sharikat Kerjasama Kenderaan dan Pengangkutan Pantai Timor (Melaka) mempunyai 3 buah bas, 2 buah bas sekolah dan 2 buah teksi yang menghasilkan sewa lebuh dari \$57,000.00 sa-tahun.

SHARIKAT KERJASAMA NELAYAN2

Sabagai satu daripada ranchangan2 untuk memberi pendapatan dan taraf hidop yang baik kapada nelayan2, Jabatan Kemajuan Kerjasama telah berjaya mengusahakan penubuhan dua buah sharikat nelayan, ia-itu Sharikat Ne'yan Kuala Linggi dan Sharikat Kerjasama Nelayan Henghwa.

SHARIKAT KERJASAMA BECHA RODA TIGA

Sharikat ini mempunyai sabanyak 62 buah becha yang di-taksirkan berharga \$17,200/. Sharikat ini menyewakan becha2 itu kapada Ahli2-nya dengan sewa yang rendah. Sharikat ini juga menampong beberapa orang pekerja yang mahir untuk membaiki becha2 dan juga berniaga dalam alat spare. Sharikat ini ada-lah merancangkan hendak menguruskan penjualan basikal2.

SHARIKAT KERJASAMA BARANG2 RONCHIT DAN PASARAN GETAH

Sa-buah sharikat jenis ini telah di-tubohkan di-Kesang, Jasin, pada tahun 1967. Sharikat ini mempunyai sa-buah kedai dengan modal permulaan sabanyak \$5,050/- dan Ahli2 seramai 132 orang.

P O S

UNTOK KESELAMATAN TUAN SIMPAN-LAH WANG DI-PEJABAT POS

Untuk kesenangan dan kemudahan Raayat perkhidmatan Pos telah di-adakan di-sempua daerah dalam Negeri ini. Ada-lah ranchangan Kerajaan untuk meluaskan perkhidmatan ini ka-seluoh Negeri.

PERKHIDMATAN POS

1961—1968

Tahun	Nama Ranchangan	Tempat Letak
1962	Wakil Pos	1. Simpang Bokoh, Jasin 2. Bukit Rambai, Melaka 3. Gadek, Alor Gajah
1963	Wakil Pos	1. Rambai, Alor Gajah 2. Ayer Molek, Melaka 3. Ramuan China Besar, Masjid Tanah.
1964	Wakil Pos	1. Hutan Percha, Alor Gajah
1965	Wakil Pos	1. Chin Chin, Jasin
1966	Wakil Pos	1. Kg. Baru Menggong, Alor Gajah 2. Machap, Alor Gajah 3. Ayer Pa'abas, Alor Gajah 4. Kandang, Melaka
1967	Wakil Pos	1. Bukit Senggoh, Jasin 2. Kemendor, Jasin 3. Serkam, Merlimau
1968	Wakil Pos	1. Bertam Hulu, Melaka 2. Tiang Dua, Melaka
1961	Peti Surat	1. Kuala Sungga, Alor Gajah 2. Kampong Pertugis, Melaka 3. Kampong Paya Dalam, Melaka

1961—1968

Nama Ranchangan	Tempat Letak
Peti Surat	<ol style="list-style-type: none">1. Batu Berendam, Melaka2. Jalan Peringgit, Melaka3. Mata Kuching, Melaka4. Batu Hampar, Melaka5. Bukit Katil, Melaka6. Kampong Belimping, Durian Tunggal7. Masjid Baru, Asahan8. Batu Gajah, Merlimau9. Tanjung Minyak, Melaka10. Tanah Merah, Krubong, Melaka11. Kampong Padang, Melaka12. Simpang Kerayong, Jasin13. Kampong Pulau, Masjid Tanah14. Kampong Chenderah, Jasin15. Pantai Kundor, Melaka
Peti Surat	<ol style="list-style-type: none">1. Ayer Kroh, Melaka2. Kampong Ampat, Kubu, Melaka3. Jalan Kilang, Melaka4. Simpang Semabok, Melaka5. Sungai Buloh, Alor Gajah6. Ayer Pa'abas, Alor Gajah7. Pekan Pasir, Merlimau8. Paya Mengkuang, Masjid Tanah9. Rantau Panjang, Masjid Tanah10. Teluk Rimba, Sungai Rambai11. Kampong Baharu, Lendu
Peti Surat	<ol style="list-style-type: none">1. Ayer Merbau, Jasin2. Ayer Tawar, Merlimau
Peti Surat	<ol style="list-style-type: none">1. Jalan Hang Tuah, Melaka2. Ujong Pasir, Melaka3. Balai Raya, Ayer Tawar4. Jalan Bendahara, Melaka
Pejabat Pos Berkereta	<ol style="list-style-type: none">1. Alor Gajah
Pejabat Pos Berkereta	<ol style="list-style-type: none">1. Melaka
Pejabat Pos Berkereta	<ol style="list-style-type: none">1. Masjid Tanah
Pejabat Pos Baharu	<ol style="list-style-type: none">1. Masjid Tanah (Menggantikan Bangunan Lama)

Pejabat Pos berkereta telah dapat di-adakan bagi Alor Gajah, Melaka dan Masjid Tanah.


Bangunan Pejabat Pos Masjid Tanah. ►



- Perkhidmatan Pos bergerak di-kawasan luar bandar.
- ◀ Pemandangan dalam Pejabat Pos Masjid Tanah.
- ◀ Pejabat Pos bergerak berkhidmat di-kawasan luar bandar.
- ▼ Peti surat di-Bandar Hilir.



▼ Pemandangan dalam Pejabat Pos bergerak.



PERKHIDMATAN TALIKOM

Perkhidmatan Talipon memudahkan Perhubungan
Pondok2 Talipon yang telah di-bena semanjak tahun 1961:-

Tahun	Daerah	Kampong
1961	Melaka Tengah	Batu Hampar, Melaka Bukit Bahru, Melaka Sembabok, Melaka Sungai Udang, Bukit Terendak
	Alor Gajah	Pekan Durian' Tunggal, Durian Tunggal Ramuan China Besar, Masjid Tanah
	Jasin	Pondok Batang, Asahan Sebatu, Merlimau Serkam, Merlimau Sempang, Merlimau
1962	Melaka Tengah	Pernu, Melaka Malim, Melaka Cheng, Melaka Sempang Bukit Katil, Melaka Ayer Keroh, Melaka
	Alor Gajah	Ayer Pa'abas, Alor Gajah Kuala Linggi, Masjid Tanah Ramuan China Kechil, Masjid Tanah Padang Sebang, Tampin
	Jasin	Sempang Bekoh, Asahan Kesang, Jasin Bemban, Jasin



Talipe: 2 Opereter sebok menyambongkan panggilan2 talipon dari orang ramai.

1963	Melaka Tengah	Krubong, Melaka Lorong Pandan, Melaka
	Alor Gajah	Machap Umboo, Durian Tunggal Kampong Paya Rumput, Masjid Tanah Kuala Sungga, Tebong
	Jasin	Sungai Rambai, Merlimau Umbai, Merlimau
1964	Melaka Tengah	Duyong, Melaka Telok Mas, Melaka Tanjong Minyak, Melaka Bukit Serendit, Melaka Padang Temu, Melaka Paya Dalam, Ayer Molek, Melaka Tanah Merah, Bukit Terendak Pengkalan Perigi, Tanjung Kling

Tahun	Daerah	Kampung
	Alor Gajah	Machap Bahru New Village, Durian Tunggal Kuala Sungai Bahru, Masjid Tanah
	Jasin	Chin Chin, Jasin Ayer Merbau, Jasin Sempang Kerayong, Jasin Selendar, Jasin Tehel, Jasin Chohong, Jasin Tedong, Merlimau Ayer Tawar, Merlimau Pulai, Merlimau
1965	Alor Gajah	Tanjong Bidara, Masjid Tanah
	Jasin	Masjid Baru, Asahan Chenderah, Jasin
1966	Alor Gajah	Sungai Petai, Alor Gajah Pegoh Dalam, Alor Gajah Pekan Gadek, Alor Gajah Tanjong Rimau Dalam, Alor Gajah Kampung Pulau, Masjid Tanah
	Jasin	Kelubi, Jasin Rim, Jasin Batu Gajah, Merlimau Kampung Berangan Enam, Merlimau On Lok Village, Batang Melaka
1967	Melaka Tengah	Ujong Pasir (Dekat Sempadan Bandaran)
	Alor Gajah	Kampung Londang, Sg. Baru Tengah, Masjid Tanah
	Jasin	Ayer Kangkong, Jasin
1968	Melaka Tengah	Pantai Kundor, di-Long Beach, Tanjong Kling Balai Raya, Alai, Melaka Sentosa Gardens, Bukit Bahru, Melaka Bukit Piatu, Melaka.



Pondok Talipon di-kawasan Luar Bandar.



Kakitangan2 Pejabat Talikom sedang giat bekerja.

Tahun	Daerah	Kampong
1968	Alor Gajah	Pekan Lubok China, Masjid Tanah Durian Daun, Sg. Baru Ulu, Masjid Tanah Simpang Ampat, Taboh Naning, Alor Gajah Kg. Ayer Molek, Sg. Baru Ilir, Masjid Tanah Belimbang Dalam, Durian Tunggal Batu 31, Sungai Siput, Alor Gajah Ayer Limau, Masjid Tanah Paya Datok, Pegoh, Alor Gajah Kampung Sungai Buloh, Alor Gajah Batu 7 Gangsa, Durian Tunggal Rantau Panjang, Ayer Pa' abas Alor Gajah Lubok Redan, Sg. Baru Ilir Kampung Kemuning, Tebong
Jasin		Kesang Pajak, Jasin Kampung Lanchang, Merlimau Ulu Duyong, Jasin Kampung Jus, Jasin Kemendore FLDA, Jasin Parit Keliling, Asahan Pondok Kempas, Jasin Semujok, Merlimau Batu 11, Jln Melaka/Jasin, Jasin Batu 21, Kg. Rim, Jasin

Ranchangan2 untuk membina pondok2 Talipon ini telah memakan belanja sabanyak \$344,287.00

JABATAN PENERANGAN

PENERANGAN KAPADA RA'AYAT

Jabatan Penerangan ada-lah satu Jabatan Kerajaan yang menjalankan tugas2 tertentu-nya dengan mendatangkan hasil besar yang tidak dapat di-pegang atau lihat. Hasil2-nya chuma dapat di-nilai dengan berdasarkan kapada ramai atau tidak ra'ayat memahami dasar2 dan ranchangan2 yang di-laksanakan oleh Kerajaan.

Jabatan ini lebuh penting dalam sa-sabuah negara bebas dan merdeka yang membangun seperti Negara Malaysia kita ini. Jabatan ini memainkan peranan yang penting dalam pembentukan negara, perpaduan ra'ayat dan penyematan semangat taat setia dan kasehkan negara. Jabatan ini sentiasa berdamping dengan ra'ayat untuk memberi gambaran yang benar terhadap kemajuan negara dalam bidang siasah, masharakat dan ekonomi.

Penerangan yang memberi gambaran yang benar ini di-buat menerusi saloran2 seperti berikut:-

- (a) Sharahan/Cheramah
- (b) Temu Ramah
- (c) Kursus Tata Ra'ayat
- (d) Lawatan Sambil Belajar
- (e) Pertunjukan Wayang Gambar
- (f) Penerbitan
- (g) Pameran

Mengenalkan Negara ini kapada negara2 luar juga ada-lah tanggong jawab Jabatan ini yang sa-bahagian daripada-nya di-jalankan dalam negeri dengan melengkapkan pelawat2 atau wartawan2 luar negeri dengan penerangan2 lanjut berkenaan dengan Negara ini dalam semua lapangan.

(a) Sharahan/Cheramah

Untuk menghebahkan penerangan dan seranta menerusi saloran ini, pegawai2 dari Jabatan ini biasa-nya beruchap atau bersharah atas tajok2 yang berkaitan dengan Kerajaan atau yang membabitkan orang ramai sechara langsung atau tidak langsung. Dengan saloran ini, orang ramai berpeluang menyuarakan buah fikiran mereka atau menyolo atas satu2 perkara yang mereka muskhilkan. Banyak-nya peserta yang menjadi pendengar dalam sharahan atau cheramah ini bergantong kapada ramai-nya penduduk sa-sabuah tempat.



▲ Peserta2 Kursus Tata Ra'ayat Sa-Hari sedang mendengar sharahan oleh Y.B. Setia-usaha Kerajaan.

► Sa-orang Pegawai Kerajaan sedang memberi ceramah di-Kursus Tata Ra'ayat sa-Hari.



(b) Temu Ramah

Menerusi saloran ini penerangan dan seranta di-buat atas tajok2 yang datang-nya daripada peserta2, lebih kurang enam tujuh orang. Chara ini tidak menyedarkan peserta2 bahawa pegawai yang menjalankan-nya ada-lah melaksanakan tugas-nya dan dengan chara ini juga peserta2 bebas mengeluarkan buah fikiran masing2. Ini-lah satu chara menyampaikan penerangan dengan berkesan dan memberi fahaman yang lanjut.

(c) Kursus Tata Ra'ayat

Menyampaikan penerangan melalui saloran ini pula menyedarkan peserta2 yang ramai (lebih kurang 60 orang) bahawa apa yang di-suarkan dalam kursus ini akan menjadi taksiran tentang pendapat orang ramai terhadap satu2 perkara yang berkaitan dengan Kerajaan.

Pegawai2 yang mengambil bahagian dalam pemberian sharanan ia-lah wakil2 Jabatan Kerajaan, termasuk juga Ketua Menteri atau Menteri2 Persekutuan.

(d) Lawatan Sambil Belajar

Lawatan Sambil Belajar di-anjorkan bagi lebih kurang 35 orang peserta untuk mendapatkan penerangan dengan chara melihat perkara2 yang selama ini mereka pernah mendengar. Ini satu lagi chara yang lebih berkesan. Peserta2 biasa-nya di-bawa melawat ranchangan2 negara dan pembangunan luar bandar di-mana pegawai2 berkennaan akan memberi penjelasan yang lebih lanjut.

(e) Pertunjukan Wayang Gambar

Melalui saloran ini pula orang ramai yang menjadi penuntun mendengar penerangan sambil melihat perkara2 yang di-terangkan dalam satu2 gambar (filem). Gambar2 yang di-tunjukkan bukanlah semata2 menjadi hiburan tetapi menjadi pelajaran, tunjok ajar, panduan dan pengetahuan. Gambar2-nya tidak-lah seperti yang di-dapat di-panggong2 wayang. Semua-nya menunjukkan kemajuan2 yang di-chapai oleh Kerajaan dalam berbagai bidang – siasah, ekonomi dan masharakat serta ranchangan2 Kerajaan.

(f) Penerbitan

Bagi orang2 yang tahu membacha, Jabatan ini dari sa-masa ka-samasa mengeluarkan risalah2, majalah2 dan poster2 yang mengandungi hal2 atau perkara2 yang di-hebahkan menerusi saloran2 lain.

'Warta Malaysia' ada-lah satu daripada penerbitan mingguan, dalam semua bahasa. Penerbitan tersebut mengandungi renchana2 dan peristiwa2 yang berkaitan dengan Kerajaan dan penerbitan ini di-bahagi2 perchuma kepada pembacha dalam semua lapisan masharakat.

(g) Pameran

Penerangan dan seranta juga dapat di-jalankan dengan chara pameran. Dalam pameran2 yang di-anjorkan, Jabatan ini, selain daripada menerangkan tugas2-nya, menunjukkan bangunan2 Kerajaan yang menjadi lambang negara, seperti Bangunan Parlimen, Masjid Negara dan Stadium Negara, di-segi demokrasi, ugama, sukan dan sebagai-nya.

Pertunjukan pentas ada-lah satu chara penerangan di-sampaikan kapada ra'ayat tetapi oleh kerana saloran ini memerlukan banyak persediaan, masa dan perbelanjaan yang lebuh, maka ia-nya jarang di-gunakan sa-bagai saloran2 yang lain. Hingga hari ini sa-banyak 20 pertunjukan pentas di-adakan dalam Negeri Melaka ini dan menarek penuntun sa-ramai lebuh kurang 16,650.



Pasukan Penerangan sedang berkhidmat.

Jabatan ini juga berdamping rapat dengan ahli2 akhbar, Jabatan Talivishen dan Radio dalam hal membuat liputan akhbar bagi peristiwa2 yang berlaku dalam Negeri Melaka ini. Hingga hari ini sa-banyak 1226 siaran akhbar telah di-buat bagi Negeri Melaka.

Alat Siaraya

Kerjasama juga telah di-beri kepada Jabatan2 Kerajaan atau pehak2 berkenaan apabila alat siaraya di-kehendaki bagi berbagai2 achara dan lawatan2 Ketua Menteri dan Menteri2 lain yang membuat uchapan kepada orang ramai.

Kemerosotan angka2 dalam rajah2 yang menunjukkan kegiatan Jabatan ini ada-lah oleh kerana sebab2 yang tidak dapat di-elakkan, sa-umpama kerosakan alat siaraya, kereta atau kekurangan kakitangan yang di-tarek keluar oleh Pejabat Penerangan Pusat untuk bertugas sementara di-negeri2 lain.

PENERANGAN DAN SERANTA

Jabatan Penerangan ada-lah sendi utama dalam bidang penerangan dan seranta bagi menerangkan dasar2 Kerajaan kepada raayat.

Perkhidmatan2 penerangan antara tahun 1961—1968:-

Kursus	Jumlah Kursus	Penuntun.
Kursus Tata Raayat Sa-Hari	28	3,793
Kursus Perhimpunan Tata Raayat	325	42,399
Kursus Lawatan Tata Raayat	749	29,396
Sharahan Terator	615	31,160
Sharahan Umum	7,825	871,325
Sharahan Wayang Gambar	4,669	3,618,405
Ramah Tamah	9,527	103,703
Wayang Gambar Sahaja	244	164,110
Kursus Tata Raayat	26	1,607

PENERBITAN:

Jabatan ini dari sa-masa ka-samasa mengeluarkan risalah2, majallah2, dan poster2 yang mengandungi hal2 atau perkara2 yang di-hebahkan menerusi saloran2 lain.

“Kejayaan Melaka” ini ada-lah berisi berita Kemajuan Negeri dalam Ranchangan2 yang di-jalankan dari masa ka-masa.


“Kejayaan Melaka” ada-lah di-keluarkan oleh Jabatan ini pada tiap2 bulan sa-banyak 3,000 naskah dan di-sebarkan kepada raayat bagi satu2 keluaran.

TUGAS UTAMA:

Keutamaan di-beri oleh Jabatan ini dalam usaha2 menyematkan perasaan ta'at setia ra'ayat kapada Negara dan meyakinkan ra'ayat kapada Kerajaan dengan menyedarkan dan menggesa ra'ayat supaya menentang dan menghapuskan sa-barang da'ayah palsu dan dusta yang bertujuan untuk merosakkan keyakinan ra'ayat kapada Kerajaan. Usaha juga di-jalankan bagi menjelaskan sa-suatu perkara atau dasar Kerajaan yang di-salah fahamkan oleh ra'ayat.

SIARAN AKHBAR

Jabatan ini berdamping rapat dengan ahli2 akhbar, Jabatan Talivishen dan Radio Malaysia untuk liputan filem, rakaman dan siaran akhbar bagi peristiwa2 yang berlaku dalam Negeri Melaka ini. Hingga hari ini sabanyak 1,226 siaran akhbar telah di-siarkan dalam Negeri Melaka.



▲ Pegawai Luar Penerangan menyampaikan risalah2 kapada orang2 ramai semasa pertunjukan wayang gambar di-Daerah Jasin.

► Pertunjukan wayang gambar oleh Jabatan Penerangan di-sabuh kampong.

▼ Penerbitan2 yang di-keluarkan oleh Jabatan Penerangan.

PUSAT PENYELIDEKAN GETAH TANAH MELAYU

Pusat Penyelidekan Getah ada-lah menjalankan usaha2 memberi nasihat kapada pekebun2 kecil atas chara2 yang baik bagi menanam getah, meninggikan mutu penghasilan dan menchari pemasaran.

Tujuan2-nya yang utama ada-lah untuk menambahkan lagi daya dan mutu pengeluaran getah supaya mendapat harga yang baik. Dengan jalan yang demikian akan menambah pendapatan pekebun2 kecil dan membaiki ekonomi mereka.

Kempen:

Pusat Penyelidekan Getah ada-lah menyelenggarakan kempen2 untuk memberi nasihat kapada pekebun2 kecil dengan mengadakan perjumpaan2, memberi cheramah dan menayangkan wayang gambar.

Pepegawai2 dari Pusat Penyelidekan Getah ada-lah juga membuat lawatan2 ka-kampong2 untuk menunjok pekebun2 kecil chara2 menyediakan keping2 getah yang bermutu, meremis getah dan chara2 menjauhi dan menchegah penyakit getah.

Pekebun2 kecil juga di-beri peluang menghadiri kursus yang di-anjorkan oleh Pusat Penyelidekan Getah di-kampong2 dan di-Sekolah Latehan Getah Ayer Pa'Abas, Alor Gajah.

Kejayaan2:

Hingga sekarang Pusat Penyelidekan Getah dengan bantuan MARA telah berjaya menubohkan 21 buah Pusat Penyelidekan Getah Berkumpul di-Negeri Melaka dengan perbelanjaan sebanyak \$39,190/- Sebanyak 6 buah rumah asap telah juga di-bena di-Pusat2 tersebut.



▲ Berjualan getah berkelompok di-pusatnya di-Telok Mas.

▲ Kursus latehan getah di-Bukit Durian, Melaka.

▼ Pusat Penyelidikan getah berkelompok di-Kg. Paya Rumput, Sg. Udang.



KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sokan Negeri Melaka telah di-tubohkan pada 1hb. Januari, 1967 di-Bangunan U.M.N.O., Jalan Hang Tuah, Melaka, di-ketuai oleh Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sokan Negeri dan sa-orang Penolong-nya. Dengan ada-nya pejabat ini maka dapat-lah Belia2 dan Persatuan2 mereka berdamping rapat dengan Pegawai2-nya untuk melaksanakan urusan2 dalam perkhidmatan, Kebudayaan, Belia dan Sokan dan seterus-nya segala ranchangan2 sama ada lancaran Kerajaan mahu pun masharakat di-Kampong masing2.

KEMAJUAN2 KEBUDAYAAN:

Semenjak pejabat ini di-adakan, lebeh daripada satengah kelab2 belia telah mengadakan Seksikebudayaan—dalam seni tarian, musik, lukisan, silat dan drama. Kebolehan2 dan ciptaan mereka telah dapat mereka mempersembahkan di-tamasha2 anjoran kerajaan dan bersendirian.

BELIA:

Hingga sekarang sa-banyak 64 buah kelab Belia telah di-tubohkan yang mempunyai ahli sa-ramai 4,146 orang.

Pada tahun 1967, sa-ramai 27 ahli belia telah di-beri peluang untuk mengikuti kursus2 seperti Pimpinan, Urusan Rumah Tangga, Seni Tari dan Drama, Pertukangan Tangan, Seni Foto dan Sokan di-Pusat Latehan Belia Negara, Peretak, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Mereka yang telah kembali daripada kursus2 tersebut telah dan sedang memberikan ciptaan2 yang mereka perolehi kapada ahli2 kelab masing2. Sa-lain daripada itu sa-ramai 25 orang belia (tidak semua-nya terdiri daripada kelab2 belia) telah di-pilih untuk menghadziri kursus selama 2 tahun di-Angkatan Belia Pelupor Negara, Dusun Tua, Selangor. Jenis Kursus yang di-jalankan di-Pusat ini termasok Mekanik, Electronic & Electrical Engineering, Pertanian, Pertukangan Kayu dan Jahitan.



▲ Belia2 bergotong royong membina Jamisan Churah di-Bukit Pulau, Melaka.

► Belia2 bergotong royong membina pergi di-kampung.

▼ Pengurus Jayadiri Daerah Melaka Tengah, Encik Mohd.Saufi b. Abdulilah memberi penerangan sabelum kerja gotong royong di-jalankan.



Gotong Royong Aspek Pertanian:

Salain daripada gotong royong saperti membersehkan rumah2 ibadat, tanah perkuboran, membuat jalan2 kecil dan parit2 di-kampung, belia2 telah berusaha dalam bidang pertanian. Sa-bahagian daripada 20 buah kelab yang giat dalam lapangan ini telah mendapat hasil bukan sahaja untuk makanan sendiri tetapi juga untuk jualan. Kesedaran belia dalam pertanian ada-lah menggalakkan dan sa-tengah daripada ibu bapa telah berkerjasama dengan mereka dan memberi tanah2 yang kosong untuk di-usahakan oleh belia2.

Gotong Royong Aspek Kesihatan:

Dalam aspek Kesihatan 2 buah kelab telah mengambil bahagian chergas untuk membuat Jamban Churah. Usaha mereka ini dalam lapangan kesihatan ada-lah memberi ma'ana yang besar kapada masharakat kampung khas-nya. Kelab Kebajikan Pemuda Pemudi, Merlimau, mempunyai bengkel kesihatan sendiri atau "Workshop" untuk membuat mangkok jamban dan lain2. Usaha mereka bukan sahaja membuat dan menjual mangkok jamban yang murah kapada orang2 kampong bahkan juga bergotong royong untuk membina rumah2 tandas kapada pembeli2.

SOKAN:


Tiap2 pertubuhan ada seksi sokan mereka masing2 dan mereka chergas dalam lapangan ini saperti mengadakan perlawanan di-antara persatuan dan juga di-lain2 negeri.

Majlis Sokan Negeri telah di-hidupkan kembali yang di-ketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri Melaka, Dato' Haji Talib bin Karim D.K.S.J., J.P. Majlis Sokan Negeri ini dapat menjalankan segala jenis sokan dengan lichin dan terator.

PASOKAN KHIDMAT BELIA:

Sa-bagai satu usaha bagi menolong Kerajaan dalam kerja2 membantu dan memulehkan mangsa2 banjir atau pun malapetaka dan lain2 Pasokan Khidmat Belia telah pun di-tubohkan di-keselurohan Negeri Melaka. Sa-banyak 18 buah Pasokan telah di-tuboh dalam negeri ini.

Bagi keselurohan-nya Persatuan2 Belia di-negeri ini ada-lah chergas dan kegiatan mereka sangat-lah di-galakkan.



▲ YAB Ketua Menteri, Melaka turut sama dalam rancangan membina jalan Kampung Rim, Jasin, yang di-buat oleh Belia.

► Kaum Portugis menunjukkan tarian kebudayaannya.

▼ Belia2 bergotong royong memberseh kampung,



KERAJAAN
NEGERI

RANCHANGAN2 UNTOK MEMBANTU RAAYAT
YANG BERPENDAPATAN KECHIL

Ranchangan Motobot untuk nelayan2

Dalam tahun 1967 Kerajaan Negeri telah pun melancarkan suatu ranchangan untuk menolong nelayan2 meminjam wang bagi membeli motobot2. Ranchangan itu ada-lah bertujuan untuk memberi kemudahan2 dan menolong mereka menjalankan perusahaan menangkap ikan dengan sendiri-nya dan tidak lagi memakan gaji kapada saudagar2 ikan. Dengan jalan yang demikian nelayan2 itu akan mempunyai peluang untuk menambahkan pendapatan mereka.

Pada tahun 1967 Kerajaan Negeri telah membeli 50 buah motobot dengan perbelanjaan sabanyak \$192,228/- . Motobot2 itu telah di-tempah di-Limbongan MARA Kuala Terengganu dan berharga sabanyak \$3,900/- sabuah. Tiap2 sabuah motobot itu ada-lah di-punyai oleh dua orang nelayan yang di-kehendaki membayar sabanyak \$75/- sabulan selama 5 tahun. Pada tahun 1968 wang sabanyak \$40,000/- telah di-untokkan bagi ranchangan ini.

Ranchangan membelikan basikal bagi murid2 sekolah

Suatu ranchangan untuk membantu ibu bapa yang kurang mampu dan menggalakkan anak2 mereka meneruskan pelajaran di-sekolah2 menengah telah di-mulakan pada tahun 1967. Pada tahun itu sabanyak 1,057 buah basikal telah di-beli dengan perbelanjaan sabanyak \$126,804/. Pembayaran ada-lah di-kenakan sabanyak \$2.50 sabulan selama 48 bulan. Ranchangan ini ada-lah mendapat sambutan yang baik dan wang sabanyak \$40,000/- telah di-untokkan bagi tahun 1968.

Ranchangan bantuan buku2 teks kepada murid2 sekolah

Pada tahun 1967 Kerajaan Negeri telah memberi bantuan kepada murid2 dalam Tingkat-an I dalam Sekolah Menengah Kebangsaan/Inggeris dan Darjah Peralehan yang kurang kemampuan untuk melanjutkan persekolahan mereka. Bantuan ini ada-lah di-buat oleh kerana hendak menggalakkan ibu bapa menghantar anak2 mereka ka-sekolah2 menengah supaya mereka dapat meneruskan pelajaran ka-tingkatan2 yang lebih tinggi. Sabanyak 1,127 orang murid2 telah mendapat faedah daripada ranchangan ini dan wang sabanyak \$16,000/- telah di-belanjakan pada tahun 1967.

Di-samping itu Kerajaan Negeri ada-lah juga memberi biasiswa2 kechil kapada murid2 yang menunjukkan pelajaran2 yang baik tetapi kurang kemampuan untuk meneruskan pelajaran mereka. Biasiswa yang berharga \$15,000/- ada-lah di-beri pada tiap2 tahun.

Ranchangan Peti Talivishen

Satu lagi ranchangan untuk faedah raayat di-seluroh Negeri Melaka ia-lah ranchangan peti Talivishen untuk kampong2. Peti2 Talivishen ini di-beri dengan perchuma kapada Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan di-simpan di-Balaik2 Raya atau lain2 tempat yang di-setujui oleh Kerajaan. Di-tempat2 di-mana tiada bekalan letrik "generator" ada-lah di-berikan.

Dalam tahun 1967 Kerajaan Negeri telah membeli 88 buah peti Talivishen dan 81 buah generator dengan perbelanjaan sabanyak \$67,392/-.



- ▲ Upacara menerahkan motobot2 kepada Nelayan2 di-Tg. Kling oleh YAB Tun Abdul Razak.
- YAB Tun Abdul Razak bertemu dengan Nelayan2 yang menerima motobot2 Kerajaan di-Tg. Kling.
- Rumah Murah di-Pringgit, Melaka Tengah telah dibina oleh Kerajaan Negeri.



Khutub Kanah Bergerak

Kerajaan Negeri mempunyai dua buah Khutub Kanah Bergerak yang melawat ka-kampong2. Ranchangan ini ada-lah memberi faedah yang besar kapada murid2 sekolah dan juga orang2 dewasa yang tinggal di-kawasan2 luar bandar. Sabanyak 65 buah kampong2 ada-lah di-lawati pada tiap2 bulan.

Ranchangan pinjaman wang untuk membeli Tanah

Kerajaan Negeri telah melancarkan pada tahun 1966 suatu ranchangan pinjaman wang untuk membeli tanah bagi pertanian. Ranchangan ini ada-lah mengenakan pembayaran salam 15 tahun (yang paling lama) dengan faedah sabanyak 30% bagi satuhun. Ranchangan ini ada-lah bertujuan untuk memberi kemudahan2 kapada raayat di-negeri ini untuk membeli tanah bagi kegunaan pertanian supaya dapat menambahkan lagi pendapatan mereka. Hingga sekarang saramai 75 orang telah mendapat faedah dibawah ranchangan ini dan wang sajumlah \$500,000/- telah di-belanjakan. Ranchangan ini mempunyai modal sabanyak \$2,000,000/- yang akan di-belanjakan dalam tempoh 5 tahun.

Ranchangan menyambong paip ayer ka-rumah2.

Ranchangan ini telah pun di-mulakan pada tahun 1967 untuk membantu penduduk2 luar bandar memasang paip ayer ka-rumah mereka. Pinjaman ini tidak mengenakan apa2 faedah dan pembayarannya ada-lah selama 30 bulan. Peruntukan sabanyak \$50,000/- telah di-untokkan bagi tahun 1968.

P E R U M A H A N

Suatu daripada ranchangan2 yang telah mendapat keutamaan dalam bidang pembangunan ia-lah ranchangan Perumahan. Ada-lah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk membina rumah2 murah bagi rakyat yang berpendapatan kecil, mengatasi masa' alah2 Kawasan sesak dan rumah2 haram. Tujuan Kerajaan membina rumah2 murah ia-lah untuk membantu mereka yang berpendapatan kecil dengan memberi mereka kemudahan2 supaya dapat membeli rumah2 dengan bayaran yang murah dan beransor2 atau menyewa rumah2 yang mereka mampu membayar-nya. Di-bawah dasar yang di-tetapkan oleh Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Kerajaan Negeri rumah2 murah itu ada-lah untuk keluarga yang mempunyai pendapatan \$300/- sa-bulan. Mereka2 yang mempunyai pendapatan lebih dari \$300/- sa-bulan boleh juga memileki rumah2 itu dengan sharat mereka mempunyai keluarga yang ramai seperti berikut:-

- Antara \$300—\$350 yang mempunyai keluarga tidak kurang daripada 7 orang
- Antara \$350—\$400 yang mempunyai keluarga tidak kurang daripada 8 orang

dan saterusnya sa-hingga \$800/- sabulan dengan keluarga tidak kurang dari 16 orang.

Pembayaran bagi rumah2 murah itu ada-lah seperti berikut:-

- 1) Rumah2 yang di-beli dengan bayaran beransor tidak lebih dari \$35/- sa-bulan selama 17 tahun.
- 2) Rumah2 pangsa (untuk di-sewa) dengan bayaran tidak lebih dari \$50/- sa-bulan.

KEMAJUAN

Bil.	Ranchangan	Bilangan Rumah	Jenis Rumah	Pinjaman dari Kerajaan Persekutuan	Pembelanjaan Kerajaan Negeri	Jumlah Pembelanjaan	Tarikh Siap	Sewa
1.	Kuala Linggi (bagi nelayan2)	80	Rumah Papan	\$ 8 0,000	\$ 86,650.00	\$ 166,650.00	15.11.1962	\$10 sa-bulan
2.	Pulau Sebang (Peringkat I)	51	Berderet L3/7	180,317	24,796.57	205,113.57	10.12.1962	a) Rumah Hujong \$30 sa-bulan b) Rumah Tengah \$27 sa-bulan
3.	Pringgit	100	Berderet L3/7	387,000	111,284.50	498,284.50	1. 4.1968	a) Rumah Hujong \$31 sa-bulan b) Rumah Tengah \$30 sa-bulan
4.	Bandar Hilir (Peringkat I)	56 (3 bilek) 95 (2 bilek)	Pangsa (4 block 4 tingkat)	860,000	belum diketahui	860,000.00	dalam pembinaan	
5.	Bukit Piatu	240 (1 bilek) 4 (2 bilek) 32 (3 bilek) 8 rumah kedai	Pangsa	1,343,852	213,869.73	1,557,721.73	dalam pembinaan	

Ranchangan2 yang telah di-lulus dan akan di-selenggarakan:

1. Pulau Sebang (Peringkat II) 50 Berderet L3/7 \$150,000
2. Bandar Hilir (Peringkat II) 40 Pangsa \$144,000

Bil.	Ranchangan	Bilangan Rumah	Mukim/Daerah	Jenis Rumah	Pinjaman dari Kerajaan Persekutuan	Tarikh di-selenggarakan
1.	Bukit Rambai	50	Melaka Tengah	Berderet L3/7	\$210,640.00	1968
2.	Sungai Udang	50	Melaka Tengah	Berderet L3/7	\$216,000.00	1968
3.	Pekan Jasin	50	Jasin	Berderet L3/7	\$231,400.00	1968
4.	Pekan Alor Gajah	50	Alor Gajah	Berderet L3/7	\$252,725.00	1968
5.	Masjid Tanah	50	Alor Gajah	Berderet L3/7	\$231,520.00	1968
6.	Tanjong Bidara	50	Alor Gajah	Berderet L3/7	\$213,280.00	1968
7.	Kampung Pulau	32	Alor Gajah	Berderet L3/7	\$138,426.00	1968

Ranchangan perumahan yang di-selenggarakan oleh M.A.R.A.:

Kerajaan Negeri ada-lah juga membelanjakan wang bagi membina dan merata tapak bagi ranchangan2 perumahan yang di-selenggarakan oleh M.A.R.A. Ranchangan2 itu ada-lah seperti berikut:-

Ranchangan	Bukit Katil
Ranchangan	Lipat Kajang
Ranchangan	Bukit Api
Ranchangan	Kampong Gelam


Ranchangan perumahan Ayer Kroh:

Suatu kawasan perumahan yang di-chadang menjadi sebagai pekan baru atau "Satellite Town" kapada Bandar Melaka akan di-buka di-Ayer Kroh. Kawasan2 ini akan mempunyai tapak2 yang tertentu bagi kawasan2 perumahan, perusahaan, perniagaan, bangunan2 Kerajaan dan lain2 yang mengikut konsep baru mengenai kemajuan kawasan. Ranchangan perumahaan ini akan di-jayakan oleh sa-buah Sharikat Perumahan Bersendirian dan ada-lah terbuka kapada penduduk2 di-Negeri Melaka.


▼ Sa-bahagian daripada motobot2 yang di-serahkan kapada Nelayan Tg. Kling.



◀ Ketua Menteri menyerahkan basikal kapada bapa sa-orang murid sekolah.



▼ Peminjam2 buku dalam Khutub Khanah bergerak dan orang2 di-kawasan luar bandar sedang menggunakan kemudahan2 yang di-beri oleh Khutub Khanah bergerak.



▲ Penduduk2 Kampong sedang menekmati Ranchangan Telivisi yang di-adakan oleh Kerajaan Negeri.



► Peserta2 lawatan tata ra'ayat sedang menaiki bas Kerajaan Negeri Melaka sa-lepas mendengar penerangan rangkas di-Bilik Gerakan Negeri.

Sa-buah daripada motobot yang di-serahkan kapada Nelayan membawa beberapa orang Pem-
besar2 mengelilingi kawasan perayaan Tanjong Kling.





▲ Pegawai2 Pejabat Ukor menjalankan tugas mereka di-Pantai Serkam.



▲ Pegawai2 Pejabat Ukor menjalankan tugas mereka di-Pantai Serkam.



▲ Pegawai2 Pejabat Ukor menjalankan tugas mereka di-Selandar.

U K O R

Jabatan Ukor ada-lah memainkan peranan yang penting dalam urusan sukat menyukat tanah bagi Ranchangan Kemajuan Luar Bandar di-Negeri ini.

Satu daripada tugas2 utama Jabatan Ukor ia-lah melaksanakan segala kerja2 mengukur dan menyimpan semua rekod2 perlu untuk kenyataan kekal bagi menentukan tanah2 yang di-nyatakan dalam hak milik yang di-keluarkan oleh Kerajaan. Jabatan ini juga telah melaksanakan kerja2 mengukur bagi Ranchangan Kemajuan Tanah saperti Ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan, Ranchangan Tanah Pinggir dan Ranchangan ukuran terkawal dan kawasan2 ber-kompol.

Dari ini kerja2 ukor yang berkaitan dengan ranchangan pembangunan luar bandar seperti pengambilan tanah untuk membuat dan melebarkan jalan dan untuk Parit dan Taliayer, sekolah klinik2, balai2 raya dan lainnya telah pun di-laksanakan.

Sembilan Ranchangan Tanah di-jadualkan di-buka bagi tahun 1968. Kerja tebang menebang di-kawasan Ranchangan ini sedang di-jalankan dan sa-baik2 saja kawasan ini di-ber-sehkan pasokan2 pengukur akan di-tugas mengukur di-situ. Lima daripada ranchangan ini di-dalam kawasan Daerah Utara sementara yang empat lagi di-dalam Daerah Selatan.

Kemajuan2 yang telah di-jalankan oleh Jabatan ini ada-lah saperti di-rengkaskan di-bawah ini:-

1961 — 1967

		Alor		Jasin		Melaka Tengah	
		Lot.	Ekar	Lot.	Ekar	Lot.	Ekar
(1)	Pinggir	1189	5092	1259	5029	258	1350
(2)	Terkawal	197	832	303	890	480	1250
(3)	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	1154	6560	1263	5210	—	—
(4)	Pengambilan Tanah untuk jalan.	1582	6453	2205	3777	1405	3532
(5)	Parit dan Taliayer	403	508	2231	4345	1358	2724
(6)	Balai Raya, Klinik dan Surau dan lain2.	139	222	106	409	83	176
		<i>Jumlah</i>	4664	19667	7367	19660	3584
							9032

MAJLIS PERBANDARAN

Majlis Perbandaran Melaka

Majlis Perbandaran Melaka yang dahulu-nya di-bawah kuasa Parti Sosialis telah di-ambil ke-aleh oleh Kerajaan Negeri. Samenjak itu banyak kemajuan2 telah tercapai dan kedudukan kewangan Majlis itu telah bertambah baik. Majlis Perbandaran itu ada-lah memberikan perkhidmatan2 yang memuaskan kepada orang ramai yang tinggal di-dalam kawasan Perbandaran.

Kemajuan2

Jalan2 Raya

Tahun	Panjang	Perbelanjaan
1960—62	Dari sempang Jalan Munshi Abdullah/Jalan Bendahara kapada simpang Jalan Temenggong/ Jalan Panjang.	1,800 kaki \$446,000
1963—64	Dari simpang Jalan Hang Tuah/Jalan Bachang Jalan Besar Bachang.	1,000 kaki \$323,000

Melebarkan jalan2

Jalan Bandar Hilir, Jalan Hang Tuah, Jalan Mata Kuching, Jalan Tengkeria, Jalan Kilang.

Jambatan2

1957—58	Jambatan Lantai	Pasar Baru	\$ 26,000
1957—59	Jambatan Tan Kim Seng		\$280,000
1962—63	Jambatan Chan Koon Cheng		\$310,000

Longkang Besar

1957—1967	Jalan Kee Ann)	
	Jalan Gajah Berang)	
	Mata Kuching Dalam)	
	Pengkalan Rama Tengah)	\$280,000
	Jalan Bachang)	
	Jalan Bandar Hilir)	
	Jalan Chan Koon Cheng)	
	Jalan Hang Tuah)	

Longkang2 konkarit tepi jalan bagi menggantikan longkang2 tanah \$252,652.

Rumah2 Pekerja

1957—1967	Jalan Bukit China Kampong Ampat Jalan Bukit Serendit Jalan Kubu))))
		\$303,000.

Pejabat Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaran

1960—1962	Bangunan tiga tingkat bagi Pejabat2 Setiausaha Jurutera Perbandaran Jurutera Ayer Pegawai Kesihatan))))
		\$670,000.

Rumah Murah

1962—1966	Rumah Pangsa 9 tingkat di-Jalan Bendahara.	200 buah rumah 2 bilek. \$2,000,000 14 buah kedai 1 klinik
-----------	---	---

Sambongan Pasar Besar

1963—1966	Sambongan 2 tingkat dengan 3 buah bilek sejok.	\$260,000
-----------	---	-----------

Gera12 Penjaga

1966	45 buah di-Taman Merdeka	\$ 46,000
1967	15 buah di-Jalan Gelanggang	\$ 30,000

Perhentian Teksi

Jalan Kilang	Bangunan untuk 12 buah tempat menyimpan teksi dan gerai2, dan padang bagi 130 buah teksi.	\$ 150,000
--------------	--	------------

Balai2 Raya

1967—1968	Ujung Pasir Tengkera	\$110,000
-----------	----------------------	-----------

Pusat Pelanchong

Jalan Kota	\$70,000
------------	----------

Rumah Sembelehr Binatang

Pada tahun 1963 sebuah alat x-ray di-pasang di-Rumah Sembelehr Binatang.

Lampu2 Jalan

Pada tahun 1967 kuasa (wattage) lampu2 di-Jalan telah di-tambah kapada 150,000 watt dan di-pasang dengan lampu2 yang berchahaya terang (Mercury Vapour) di-simpang2 dan jalan2 bulatan di-pasang dengan lampu2 'Sodium Vapour'.

Bekalan Ayer


Majlis Perbandaran salain dari menyelenggarakan kerja2 pembakaian am kapada bekalan ayer yang sedia ada, telah mengadakan bekalan ayer ka-kawasan2 luar bandar saperti berikut:-

- (i) Kawasan Pembangunan Bukit Baru—Perengkat II & III
- (ii) Power Station Tanjung Kling Lembaga Letrik Negara dan Rumah2 kakitangan.
- (iii) Umbai ka-kampong Merlimau
- (iv) Bukit Rambai ka-kampong Ayer Salak
- (v) Stesen Pertanian Pulau Gadong
- (vi) Ayer Molek dan Kandang



Rangunan Perhentian Bas Besar sedang dibina di Jalan Ki-lang. ▲

Beberapa garai2 makan di-teri Sungai Melaka telah dibina oleh Kerajaan Perbandaran Melaka. ▼



Perkerjaan perbandaran sedang membina Jalan Bunga Raya. ▼





Pembukaan rasmi sa-buah Balai Ra'ayat di-Ujung Pasir berharga sa-banyak \$130,000 oleh YAB Ketua Menteri, Melaka.

- (vii) Sekolah Inggeris Rendah Bukit Baru dan Zone 'G'
- (viii) Sekolah Kebangsaan Bukit Piatu hingga Masjid di-Solok Bukit Baru.

Tempat2 yang tersebut di-bawah di-dalam Kawasan Perbandaran telah di-bekalkan dengan ayer:-

- (i) Jalan Bachang
- (ii) Kampong Tiga, Resang Lane, Lorong Kapitan, Lorong2 Maringgu dan Dato Manila.
- (iii) Lorong Pandan
- (iv) Pengkalan Rama Tengah
- (v) Kampong Enam
- (vi) Ujong Pasir dan Portuguese Settlement
- (vii) Kampong Bandar Kaba
- (viii) Jalan Bulatan yang Baru
- (ix) Tengkera Pantai II

Bekalan2 Ayer telah juga di-berikan kapada beberapa Ranchangan Perumahan baik di-kawasan2 Perbandaran mahu pun di-luar bandar.

Penggantian Saloran Paip Ayer


Untuk menambahkan bekalan ayer, saloran2 paip ayer di-kawasan2 yang tersebut di-bawah telah di-gantikan:-

- (i) 9" saloran di-gantikan dengan 12" A.C. paip sepanjang Jalan Kota dan Jalan Bandar Hilir.
- (ii) 9" saloran di-gantikan dengan 12" A.C. paip sepanjang Jalan Bukit Senjuang hingga Jalan bulatan Semabok.
- (iii) 8" dan 6" di-gantikan dengan 4" saloran telah di-buat di-Jalan Durian Daun dan Jalan Depoh.

Mengikis dan mengator sa-mula (Re-lining) Paip2 Ayer

Mengikis dan mengator sa-mula paip2 ayer (yang di-dapati berkarat) telah di-jalankan sepanjang:-

- (i) Jalan Tengkera
- (ii) Jalan Bukit Senjuang dan Jalan Bandar Hilir.



Jawatan kuasa Majlis Perbandaran Kota Melaka, barisan hadapan; dari kiri 1. En. S. Doraisamy. 2. En. Lee Geok Tong. 3. En. Vincent Lai. 4. En. Ng Chong Chee KMN. PJK. 5. YB. Dato' Tan Cheng Swee DKSJ. JP. 6. En. Ahmad bin Lajis AMN. 7. En. N.V. Patel 8. En. Tan Jin Lee. 9. Dr. K. Dharmaratnam.

▼ Bangunan Perbandaran, Melaka.



